

# LAPORAN TAHUNAN 2019

**“MEMBANGUN BERSAMA KOMUNITI KAMPONG BHARU”**



PERBADANAN PEMBANGUNAN  
KAMPONG BHARU



# LAPORAN TAHUNAN 2019

**“MEMBANGUN BERSAMA KOMUNITI KAMPONG BHARU”**

PERBADANAN PEMBANGUNAN  
**KAMPONG BHARU**



PERBADANAN PEMBANGUNAN  
**KAMPONG BHARU**

© PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU  
Hak Cipta Terpelihara 2019

Penerbitan ini boleh diterbit semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senasak terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber di Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada **Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu**

# ISI KANDUNGAN

01

Mesej **Pengerusi**

02

Mesej **Ketua Pegawai  
Eksekutif**



# **05**

## **Maklumat Korporat**

Latar Belakang .....	06
Visi, Misi, Moto PKB .....	07
Objektif .....	08
Piagam Pelanggan .....	09

# **11**

## **Kepimpinan**

Senarai Anggota Perbadanan .....	12
Senarai Anggota Majlis Penasihat .....	14
Warga Kerja PKB .....	16
Unit Undang-Undang .....	18

# **23**

## **Bahagian Perancangan Pembangunan dan Ekonomi**

Seksyen Perancangan Bandar .....	24
Seksyen Arkitek .....	48
Seksyen Kejuruteraan .....	56
Seksyen Ekonomi .....	68

# **79**

## **Bahagian Pengurusan dan Komunikasi Korporat**

Seksyen Pengurusan Tanah .....	80
Seksyen Komunikasi Korporat .....	94
Seksyen Pengurusan .....	106
Seksyen Teknologi Maklumat .....	114
Seksyen Kewangan .....	118



“

Satu-satunya petempatan  
Melayu di tengah  
Bandaraya Kuala Lumpur  
dibangunkan semula  
supaya ia tidak ketinggalan  
dengan pembangunan  
pesat dengan kawasan  
persekitaran yang  
telah jauh lebih maju  
serta lengkap dari segi  
pemodenan dan tentunya  
nilai hartanah.

”

# **MESEJ PENGERUSI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya dengan sukacitanya ingin membentangkan Laporan Tahunan 2019 Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) bagi tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) pada tahun 2012 adalah merupakan inisiatif kerajaan untuk memastikan satu-satunya petempatan Melayu di tengah Bandaraya Kuala Lumpur dibangunkan semula supaya ia tidak ketinggalan dengan pembangunan pesat dengan kawasan persekitaran yang telah jauh lebih maju serta lengkap dari segi pemodenan dan tentunya nilai harta tanah.

Rancangan pembangunan semula Kampong Bharu akan dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan keperluan-keperluan rakyat seperti kemudahan infrastruktur, kemudahan kawasan lapang, kemudahan pengangkutan awam dan sebagainya dapat didatangkan secara pakej dan terancang. Walau bagaimana pun, nilai-nilai warisan melayu dan islam tetap akan dipelihara dan dipulihara supaya ia menjadi kebanggaan bukan saja warga Kampong Bharu tetapi juga orang Melayu keseluruhannya.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), agensi kerajaan dan swasta serta warga Kampong Bharu khususnya di atas sokongan dalam menjayakan perancangan dan pembangunan Kampong Bharu. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan di masa akan datang agar hasrat semua pihak untuk melihat Kampong Bharu menjadi kebanggaan bukan sekadar impian tetapi menjadi realiti

**YBHG. TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BUANG**

Pengerusi Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB)

# **MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Komitmen dan hasrat kerajaan dalam membangunkan semula Kampong Bharu merupakan titik permulaan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) ditubuhkan pada 1 April 2012 iaitu berperanan bagi menyelaras dan menguruskan pembangunan semula Kampong Bharu.

Potensi pembangunan semula Kampong Bharu tidak seharusnya dipersiakan. Kerajaan tidak akan membiarkan kawasan petempatan Melayu di pusat pembangunan Kuala Lumpur tertinggal dari arus pembangunan. Kedudukan Kampong Bharu yang strategik ini seharusnya dimanfaatkan dan menjadi sumber terbaik bagi pemilik dan pewaris dalam aspek penjanaan ekonomi dan pemilikan harta tanah di Pusat Bandar Raya.

Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan oleh PKB yang berfungsi sebagai pemudahcara dalam memacu, merangsang dan menggalakkan aktiviti pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di Kampong Bharu. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah merangka Pelan Konsep Pembangunan Kampong Bharu 2019 berkonsepkan “Memperkasa Hartanah Melayu di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur” yang mana menjadi asas panduan kepada PKB dalam mengerakkan pembangunan semula di Kampong Bharu.

Cabarani besar PKB adalah untuk memastikan pembangunan semula Kampong Bharu ini mendapat persetujuan dari pemilik serta pewaris tanah di Kampong Bharu. Program libat urus dan rundingan bersama pemilik dan pewaris Kampong Bharu telah dibuat dan akan diteruskan dari semasa ke semasa bersama pemilik dan pewaris bertujuan untuk memberi kefahaman dan mendapatkan maklum balas agar setiap perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan mengambil kira hasrat sebenar warga Kampong Bharu.

Semoga usaha murni ini akan terus mendapat sokongan penuh daripada pemilik dan pewaris serta pihak-pihak yang berkepentingan agar usaha pembangunan semula Kampong Bharu dapat dicapai dan direalisasikan bersama.

## **DATUK HAJI ZULKURNAIN BIN HASSAN**

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB)

**“ Pelbagai usaha  
dan inisiatif telah  
dilaksanakan oleh PKB  
yang berfungsi sebagai  
pemudahcara dalam  
memacu, merangsang  
dan menggalakkan aktiviti  
pertumbuhan ekonomi  
dan pembangunan di  
Kampong Bharu.**

**”**







# MAKLUMAT KORPORAT

- Latar Belakang PKB
- Visi, Misi & Moto PKB
  - Objektif
  - Piagam Pelanggan



PERBADANAN PEMBANGUNAN  
**KAMPONG BHARU**

**LATAR BELAKANG**

Pada **7 Disember 2011**, Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 [Akta 733] telah diluluskan oleh Parlimen. Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) pula telah ditubuhkan pada **1 April 2012**. PKB telah dipertanggungjawabkan sebagai Agensi Penyelaras, Pemudah Cara dan Penggerak Utama dalam pembangunan semula Kampong Bharu.

**VISI**

Peneraju Pembangunan Semula Kampong Bharu ke arah Kesejahteraan Komuniti.

**MISI**

Memudahcara Pembangunan Kampong Bharu dengan Mengelakkan Identiti Melayu secara Persetujuan Bersama dan Pragmatik.

**MOTO**

Membangun Bersama Komuniti Kampong Bharu

# OBJEKTIF



# DASAR BAHARU YANG DIGUBAL / DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019

## Piagam Pelanggan

Selaras dengan Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu [Akta 733] peraturan yang berkuatkuasa maka:

Kami warga kerja Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dengan penuh iltizam berjanji akan menyediakan sistem penyampaian berkualiti tinggi dan secara “engagement” dengan telus, professional, berintegriti, dan berkualiti tinggi dan kepada semua pelanggan pada bidang-bidang utama berikut:







# KEPIMPINAN

- Anggota Perbadanan
- Anggota Majlis Penasihat
  - Warga Kerja PKB
  - Unit Undang-Undang

# ANGGOTA PERBADANAN


**YBHG. TAN SRI  
DATO' SETIA  
HAJI AMBRIN BUANG**

Pengerusi





**DATUK HAJAH ROSIDA  
BINTI JAAFAR**  
ANGGOTA



**DATO' NOR HISHAM  
BIN AHMAD DAHLANI**  
ANGGOTA




**DATO' DR NOOR ZARI  
HAMAT**  
ANGGOTA



**DATO' SETIA RAMLI  
BIN MAHMUD**  
ANGGOTA



**DATO' MOHAMAD  
BIN S AHMAD**  
TIMBALAN



**DATO' HJ. AHMAD  
ZAHARIN BIN MOHD SAAD**  
ANGGOTA



**YAA DATO' DR. HJ. MOHD.  
NA'IM HJ. MOKHTAR**  
ANGGOTA



**SR. ISHAK BIN ISMAIL**  
ANGGOTA



**TPr. CHE ARIFFIN  
BIN CHE MAHMOOD**  
ANGGOTA



**TUAN ZULHAZMI  
BIN SHARIFF**  
ANGGOTA



**DATIN DR. AINON  
BINTI HAMZAH**  
ANGGOTA



**PUAN SABEDAH  
BINTI KARIM**  
ANGGOTA



**DATUK HAJI ZULKURNAIN  
BIN HASSAN**  
SETIAUSAHA

# ANGGOTA **MAJLIS PENASIHAT**

**DATO' MOHD KHAY  
IBRAHIM**  
Pengerusi







**YBHG. DATO AZIZAN  
BIN MOHD SIDIN**  
AHLI MAJLIS



**TUAN HAJI MASHUTI  
BIN MAT SOOM**  
AHLI MAJLIS



**YBRS. SR. HJ. ROZMAN  
BIN YUSOF**  
AHLI MAJLIS



**TUAN HAJI ABDUL AHAD  
BIN ABU BAKAR**  
AHLI MAJLIS



**TUAN SYED BADLI SHAH  
BIN SYED OSMAN**  
AHLI MAJLIS



**TUAN HAJI MD. IDERIS  
BIN AHMAD BUANG**  
AHLI MAJLIS



**TUAN MOHD FAUZI  
BIN ABDULLAH**  
AHLI MAJLIS



**TUAN ABDUL SANI  
BIN ISHAK**  
AHLI MAJLIS



**TUAN AHMAD TERMIZI  
BIN ABDULLAH**  
AHLI MAJLIS



**PUAN AZIZAH BINTI  
MOHD SALLEH**  
AHLI MAJLIS



**PUAN INTAN MARINA  
BINTI HJ. YUNUS**  
AHLI MAJLIS



**PUAN NURIZAM  
BINTI RAMLI**  
AHLI MAJLIS

# WARGA KERJA PKB

## BAHAGIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN & EKONOMI



TPr. FADZLI ZUBI

Pengarah  
(Perancangan Pembangunan & Ekonomi)



ZAMRI MOHD SAHARIN  
Ketua Penolong Pengarah  
(Perancangan Bandar & Desa)



WAN RUSLAN WAN YUSOF  
Ketua Penolong Pengarah  
(Jurutera)



MOHD SHAM JUSOH  
Ketua Penolong Pengarah  
(Arkitek)



KHAIRULNISAM HARUN  
Ketua Penolong Pengarah  
(Ekonomi)



AZWIN AZMI  
Pembantu Tadbir  
(Pengurusan Sumber Manusia)

MAZAINI MOHAMED  
Pemandu Kendaraan

## UNIT UNDANG-UNDANG



NURUL HAFIZAH KAMALUDIN  
Penasihat Undang-Undang

## SEKSYEN PENGURUSAN TANAH



MOHD KHIRE ABDUL LATIF  
Ketua Penolong Pengarah  
(Pengurusan Tanah)



NOR HAFIZAH MOHD SABRI  
Penolong Pengarah  
(Pengurusan Tanah)



MUHAMMAD GHASYIZIKRI  
ABD GHANI  
Pembantu Tadbir  
(Pentadbiran 1)

## PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**DATUK HAJI ZULKURNAIN  
HASAN**

Ketua Pegawai Eksekutif



**NUR NADIAH ZAINOL ABIDIN**

Setiausaha Pejabat

## BAHAGIAN PENGURUSAN & KOMUNIKASI KORPORAT



**ROSLAN MOHAMMAD**

Pengarah  
(Pengurusan & Komunikasi Korporat)

### SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT



**MUHAMMAD HILMI ALI**

Penolong Pengarah  
(Komunikasi Korporat)

### SEKSYEN PENGURUSAN



**NAZIAH MUHAMMAD**

Penolong Pengarah  
(Khidmat Pengurusan)



**NURUL FARHANA BERAHING**

Akauntan



**SHAH REZAD SALEH**

Penolong Pegawai Tadbir  
(Khidmat Pengurusan)

**HARIS AHMED SIAM**

Penolong Pengarah  
(Teknologi Maklumat)



**ABDUL TALIB MAMAT**

Pemandu Kenderaan



**MOHD BADRUL MOHD DARUS**

Pembantu Tadbir  
(Aset & Stor)



**MUHAMMAD SUHAIRI OTHMAN**

Pembantu Operasi

# UNIT UNDANG-UNDANG

## FUNGSI DAN AKTIVITI UTAMA UNIT UNDANG-UNDANG PKB

Memberi nasihat undang-undang berkenaan perkara yang dirujuk oleh PKB

Mengkaji, menyemak dan mendraf dokumen undang-undang bagi memastikan kepentingan PKB dilindungi (seperti dokumen perjanjian, memorandum persefahaman, tender, *Request for Proposal*, surat setuju terima dan Sebut Harga.)

Meminda dan mengubahsuai undang-undang sedia ada

Membuat penyelidikan undang-undang PKB yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 (Akta 733)

Mengkaji dan menyelaras aduan-aduan yang dikemukakan oleh komuniti Kampong Bharu kepada PKB

## KHIDMAT PERUNDANGAN



Unit Undang-Undang PKB memberikan nasihat perundangan yang meliputi perkara-perkara berkaitan gubalan dan tafsiran undang-undang, terma perjanjian, penguatkuasaan undang-undang dan dasar-dasar yang berkaitan dengan kerajaan. Sepanjang tahun 2019, Unit Undang-Undang telah menyediakan pelbagai nasihat undang-undang bertulis. Selain khidmat nasihat undang-undang bertulis, Unit Undang-Undang juga memberikan nasihat undang-undang secara lisan melalui mesyuarat, rundingan dan perbincangan.



## KONTRAK

Pada tahun 2019, Unit Undang-Undang telah menyemak dan menyediakan pelbagai draf penjanjian, dokumen Tender, *Request for Proposal* dan Sebut Harga. Selain itu, Unit Undang-Undang juga turut menyemak pelbagai Surat Niat, Surat Setuju Terima/ Surat Pelantikan dan Surat Tawaran dan segala surat menyurat rasmi yang melibatkan peruntukan undang-undang.



## GUBALAN



Dalam menjalankan fungsi sebagai badan penyelaras utama Kampong Bharu, Unit Undang-Undang PKB perlu memastikan supaya setiap aktiviti yang dijalankan selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan kepentingan PKB sentiasa terpelihara. Selain itu, pindaan sesuatu undang-undang perlu dilaksanakan mengikut peredaran masa supaya perundangan sedia ada tidak lapuk, ketinggalan zaman dan memenuhi kehendak semasa PKB dan kerajaan. Gubalan perundangan baru akan melibatkan penelitian dan pertimbangan perkara-perkara dasar serta semakan Penasihat Undang-Undang Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan PEGUAM Negara.

## **ADUAN DAN PENGUATKUASAAN DI KAMPONG BHARU**

- PKB sebagai fasilitator dalam penguatkuasaan di Kampong Bharu, di mana PKB bersama DBKL secara bersepadu menjalankan usaha untuk menghentikan perbuatan yang dilakukan oleh peniaga yang mendirikan struktur haram serta berniaga di atas bahu jalan dan di atas jalan raya, parkir haram, penjaja yang menjalankan perniagaan tanpa lesen dari DBKL sehingga menyebabkan kesesakan jalan raya terutamanya di Jalan Raja Alang, Jalan Raja Muda Musa dan Jalan Daud Kampong Bharu.



2. Penguatkuasaan yang kedua di jalan pada November 2019 di tapak rumah setinggan di sebahagian Lot 2191, Seksyen 41, Bandar Kuala Lumpur (Rizab Kerajaan) di Jalan Abdul Malik, Kampong Bharu Kuala Lumpur bersama Penguatkuasaan DBKL dan Penguatkuasaan PTGWPKL.





3. Tindakan Penguatkuasaan ketiga di lakukan pada 12 Disember 2019 terhadap bengkel kereta yang beroperasi di atas tanah kerajaan di Jalan Raja Mahadi, Kampong Bharu, Seksyen 44, Bandar Kuala Lumpur.







# BAHAGIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN EKONOMI

- Seksyen Perancangan Bandar
  - Seksyen Arkitek
  - Seksyen Kejuruteraan
  - Seksyen Ekonomi



# **SEKSYEN PERANCANGAN BANDAR**

## PELAN KONSEP KAMPONG BHARU 2019

Jawatankuasa Pembangunan Semula Kampong Bharu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang dibentuk pada 18 September 2018 menetapkan Jawatankuasa Teknikal Pelan Pembangunan dan Infrastruktur dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Perancangan), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menilai semula pelan pembangunan semula Kampong Bharu. Mesyuarat bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan bertarikh 10 Disember 2018 secara dasar telah bersetuju dengan pelan konsep yang disediakan.

YB Menteri menetapkan untuk pelan konsep ini disediakan bagi tujuan Sesi Town Hall YB Menteri Wilayah Persekutuan bersama Pemilik Tanah Berdaftar Malay Agricultural Settlement (M.A.S) Kampong Bharu pada 21 September 2019 bertempat di Dewan Perdana, FELDA, Kuala Lumpur.




- Asas utama penyediaan Pelan Konsep Kampong Bharu 2019 adalah berdasarkan kepada **lima (5) senario pembangunan** iaitu:



**Senario 2:**  
Pembangunan Terpilih




**Senario 4:**  
Pembangunan Berdasarkan Tren



**Senario 1:**  
Pembangunan Komprehensif



**Senario 3:**  
Kampung Warisan



**Senario 5:**  
Pembangunan Organik



- Pelan Konsep Kampong Bharu 2019 berkonsepkan “Memperkasa Hartanah Melayu Di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur” memfokuskan kepada:
  - > Kawasan M.A.S Kampong Bharu seluas 219.91 ekar dan hanya melibatkan 153.46 ekar tanah milik;
  - > Pembangunan sediada atau komited berketinggian melebihi 10 tingkat tidak diambilkira; dan
  - > Penetapan zon guna tanah (Perdagangan Pusat Bandar Raya) dan intensiti pembangunan (1:10) adalah berdasarkan penetapan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020.
- Penetapan Komponen-Komponen Pembangunan Semula Kampong Bharu dicadangkan dengan penetapan status pegangan Melayu terus kekal. Komponen Utama Pembangunan semula Kampong Bharu adalah :
  - > **Taman Warisan Kampong Bharu**
    - Berkeluasan 24 ekar; dan
    - Masjid Jamek Kampong Bharu dan persekitarannya yang dinaiktaraf menjadi ‘Focal Point’.



### > Kediaman Pelbagai Pendapatan



- Perancangan pembangunan perumahan Kampong Bharu akan memfokuskan kepada unit-unit mampu dibeli oleh orang Melayu;
- Membuka ruang kepada lebih ramai orang Melayu memiliki harta tanah dan tinggal di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur;
- 45 ribu unit kediaman pelbagai kategori telah dicadangkan dengan tumpuan utama adalah penyediaan kediaman mampu milik (Residensi Wilayah) kepada pemilik, pewaris tanah Kampong Bharu serta orang-orang Melayu berkelayakan;
- Kategori perumahan yang dicadangkan adalah:
  - 50% perumahan Mampu Milik;
  - 30% perumahan berharga RM300-500 ribu;
  - 15% perumahan berharga RM500-750 ribu; dan
  - 5% perumahan harga pasaran.
- Dianggarkan jumlah penduduk Kampong Bharu akan meningkat kepada 160 ribu orang berbanding 18 ribu pada masa kini

### > Perdagangan

- Terdiri daripada ruang pejabat, hotel dan 'retail';
- Mengimbangi 'viability' pelaksanaan pembangunan semula Kampong Bharu;
- Dicadangkan menempatkan agensi-agensi Kerajaan selain bangunan korporat swasta dan MNC yang berminat;
- 10% daripada luas lantai pembangunan pejabat dan 'retail' diperuntukkan untuk 'Komersial Mampu Milik'; dan
- Sebuah 'Signature Tower' berketinggian 93 tingkat turut dicadangkan sebagai bangunan ikonik di Kampong Bharu.



> **Kemudahan Masyarakat dan Infrastruktur**

- Kemudahan-kemudahan sedia ada akan dinaiktaraf kapasitinya selaras dengan pertambahan penduduk; dan
- Pembangunan Semula Kampong Bharu juga turut memberikan penekanan kepada infrastruktur dan utiliti.

> **Warisan Kebudayaan dan Makanan**

- Kepelbagaian penawaran makanan di Kampong Bharu memerlukan penjenamaan yang lebih baik dalam memastikan kesesuaianya dengan pemodenan Kampong Bharu; dan
- Beberapa kedai makan popular yang amat sinonim dengan Kampong Bharu seperti Nasi Lemak Antarabangsa, Nasi Lemak Wanjo, Restoran Nasi Padang, Gerai Pak Hassan, Satey Capitol atau Restoran Kak Som akan ditempatkan semula dalam kawasan 'Heritage Park' bagi meneruskan warisan perniagaan yang menjadi keunikan Kampong Bharu sebagai syurga makanan.



- Tiga (3) komponen dicadangkan di dalam Taman Warisan Kampong Bharu adalah:

> **Kampung Warisan Melayu**

- Menempatkan rumah-rumah tradisional Melayu termasuklah replika rumah-rumah warisan Kampong Bharu;
- Unit-unit rumah yang dibina ini akan menempatkan restoran makanan Melayu, Muzium Kesenian dan Tradisional Melayu, Teratak Kraftangan Melayu, 'Boutique Homestay' serta pusat informasi Warisan Melayu Kampong Bharu; dan
- Senibina bangunan dan reka bentuk ruang kawasan ini akan mengadaptasi suasana dan landskap perkampungan Melayu tradisional.



> **Pusat Seni, Persembahan dan Kebudayaan Melayu**

- Pentas persembahan dan pembelajaran seni tarian (zapin, inang), muzikal (ghazal, dondang sayang), sukan tradisional (gasing, sepak raga), perfileman, pertunjukkan tradisional (bangsawan, wayang kulit) serta seni bela diri (silat) Masyarakat Melayu.



> **Kompleks Warisan Melayu**


- Kompleks yang akan mempromosi, menjual barang kraftangan, kesenian, peralatan dan makanan tradisional Melayu.




- Terdapat **enam (6)** prinsip pelan konsep iaitu:



- Komponen Pembangunan bagi Pelan Konsep Kampong Bharu:



- Cadangan Zon Guna Tanah :



## SESI TOWN HALL PADA 21 SEPTEMBER 2019

- Seksyen Perancang Bandar dan Desa dipertanggungjawabkan untuk menyediakan pamphlet, video dan struktur pemeran pada Sesi Town Hall tersebut.



## GARIS PANDUAN HARTANAH MAMPU MILIK KAMPONG BHARU

- Selaras dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan pelaksanaan pembangunan semula Kampong Bharu, PKB telah mencadangkan syarat pemilikan Hartanah Mampu Milik Kampong Bharu (HMMKB) untuk memberikan keutamaan pemilikan hartanah kepada pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu.
- Cadangan HMMKB telah dibentangkan di Mesyuarat Anggota PKB Bil. 7/2019 bertarikh 12 Disember 2019 dan Mesyuarat Majlis Penasihat PKB Bil. 6/2019 bertarikh 16 Disember 2019 dan telah mendapat persetujuan secara dasar.
- Terdapat tiga (3) Cadangan Rumah Mampu Milik Kampong Bharu (RMMKB) iaitu :

Kategori 1: Pemilik Berdaftar	Kategori 2: Pewaris	Kategori 3: Orang Melayu
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pemilik berdaftar tertulis</b> di dalam <b>suratan hakmilik / pewaris yang pemilik berdaftar telah meninggal</b></li> <li>• Pemilikan unit RMMKB <b>tanpa sekatan</b> tertakluk kepada <b>jumlah pulangan</b> diterima atau pemilikan sekurang-kurangnya satu unit bagi pulangan yang rendah (pemilik bertanggungjawab mendapatkan pinjaman/ pembiayaan bagi membeli unit RMMKB)</li> <li>• <b>Tiada had minimum/ maksimum pendapatan isi rumah</b></li> <li>• <b>Pengecualian umur dan kriteria pemilikan</b> rumah di Wilayah Persekutuan</li> <li>• <b>Potongan harga 15%</b></li> <li>• Sekatan penjualan <b>10 tahun</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pewaris</b> (anak) termasuk <b>anak pewaris</b> (cucu) yang <b>pemilik masih hidup</b></li> <li>• Permohonan pemilikan unit RMMKB diberikan <b>keutamaan</b> tertakluk kepada bilangan unit HMMKB yang masih ada</li> <li>• Mematuhi syarat permohonan rumah mampu milik berdasarkan Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Residensi Wilayah) bertarikh 13 Mei 2019</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merujuk kepada orang Melayu <b>bukan dari kalangan pemilik/ pewaris tanah Kampong Bharu</b></li> <li>• Mematuhi syarat permohonan rumah mampu milik berdasarkan Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Residensi Wilayah) bertarikh 13 Mei 2019</li> </ul>

- Terdapat dua (2) Cadangan Ruang Niaga Mampu Milik Kampong Bharu (RNMMKB) iaitu :

Kategori 1: Pemilik Berdaftar	Kategori 2: Pembelian oleh Pihak DBKL / PKB / Agensi
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pemilik berdaftar tertulis di dalam suratan hakmilik / pewaris</b> yang pemilik <b>berdaftar</b> telah meninggal</li> <li>• Pemilikan unit RMMKB <b>tanpa sekatan</b> tertakluk <b>kepada jumlah pulangan</b> diterima atau pemilikan sekurang-kurangnya satu unit bagi pulangan yang rendah (pemilik bertanggungjawab mendapatkan pinjaman / pembiayaan bagi membeli unit RNMMKB)</li> <li>• <b>Tiada</b> had minimum/maksimum pendapatan isi rumah</li> <li>• <b>Pengecualian</b> umur dan kriteria pemilikan</li> <li>• Pengurangan harga tambahan <b>15%</b></li> <li>• <b>Sekatan penjualan 10 tahun</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibeli oleh pihak DBKL/PKB/ Agensi Khas untuk disewakan khususnya kepada peniaga-peniaga di Kampong Bharu yang berkelayakan</li> </ul>

- Cadangan ini telah dikemukakan kepada KWP bagi tujuan perbincangan lanjut dan bagi mengenalpasti kaedah pelaksanaan.

## JAWATANKUASA PERANCANGAN PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

- Sepanjang 2019, terdapat sepuluh (10) siri mesyuarat telah diadakan dalam membincangkan aspek-aspek berkaitan perancangan dan pembangunan Kampong Bharu merangkumi aspek teknikal dan pelaksanaan. Ianya merupakan asas sebelum aspek-aspek tersebut dikemukakan pada peringkat Ahli Majlis Penasihat ataupun Mesyuarat Anggota PKB bagi tujuan kelulusan dan pelaksanaan. Perincian mesyuarat serta aspek yang dibincangkan adalah seperti mana berikut :

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Aspek Perbincangan</b>
1/I	18 Januari 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 Kampong Bharu</li> </ul>
1/II	24 Januari 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cadangan Penaiktarafan Simpang Lima</li> <li>• Cadangan Pembentukan Pangkalan Data Pemilikan Tanah Kampong Bharu</li> </ul>
2/I	18 Mac 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cadangan “Malay Street”</li> </ul>
2/II	20 Mac 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cadangan Penyediaan Garis Panduan Tulisan Jawi</li> <li>• Cadangan Pemindahan Peruntukan Lebihan Kewangan 3 Kajian</li> </ul>
3/I	9 Mei 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cadangan Membina lanskap di Jalan Dewan Sultan Sulaiman</li> </ul>
3/II	14 Mei 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cadangan Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki dan Ruang Lanskap di Jalan Hassan Salleh</li> <li>• Statistik Pemilik Tanah Malay Agricultural Settlement (M.A.S)</li> <li>• Fungsi Bidang Kuasa Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) di bawah Akta 733</li> </ul>
4/I	8 Ogos 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cadangan lot-lot tanah M.A.S yang terlibat dengan Pembangunan Semula Kampong Bharu</li> </ul>
4/II	19 Ogos 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cadangan Menangani Isu Tapak “Push Cart”</li> <li>• Program Libat Urus (Engagement) Pelaksanaan “Shared Space” Jalan Raja Muda Musa</li> <li>• Pelaksanaan Banci Premis Perniagaan</li> <li>• Cadangan Pembangunan Penanda Arah “Way Finding” untuk Pejalan Kaki Sekitar Kampong Bharu</li> </ul>
5.	11 Oktober 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hala Tuju Pemilikan Residensi Wilayah Kampong Bharu (RMWK)</li> <li>• Tawaran Penyewaan Tanah Persekutuan di atas lot 2088, 2260 dan 2261 (Borang K), Seksyen 41, Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Tujuan Tempat Letak Kereta</li> <li>• Perizinan Tanah Kerajaan Lot 2191 dan Lot 2192, Seksyen 41, Kuala Lumpur bertujuan Pusat Komuniti</li> <li>• Cadangan Penyediaan Garis Panduan Penggunaan Tulisan Jawi</li> </ul>
6.	13 November 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hala Tuju Pemilikan Hartanah Mampu Milik Kampong Bharu (HMMKB)</li> </ul>

## MESYUARAT AHLI ANGGOTA PKB DAN MESYUARAT AHLI PENASIHAT PKB

- Sepanjang 2019, Seksyen Perancang Bandar dan Desa telah menyediakan beberapa kertas kelulusan dan kertas makluman pembentangan di Mesyuarat Ahli Anggota PKB dan Mesyuarat Ahli Penasihat PKB. Perincian mesyuarat serta aspek yang dibincangkan adalah sepetimana berikut :

Mesyuarat Ahli Anggota PKB		
Bil	Tarikh	Aspek Perbincangan
1.	11 April 2019 (Bil. 2/2019)	Kertas Makluman Cadangan Pelan Konsep Pembangunan Semula Kampong Bharu
2.	3 Julai 2019 (Bil. 3/2019)	Kertas Makluman Status Cadangan Projek Pembangunan Semula oleh Individu
3.	16 Ogos 2019 (Bil. 4/2019)	Kertas Kelulusan Cadangan Penyediaan Video Pelan Konsep Pembangunan Kampong Bharu
4.	12 Disember 2019 (Bil. 7/2019)	Kertas Kelulusan Cadangan Syarat Pemilikan Hartanah Mampu Milik Kampong Bharu

Mesyuarat Ahli Anggota PKB		
Bil	Tarikh	Aspek Perbincangan
1.	15 Mei 2019 (Bil. 3/2019)	Kertas Makluman Status Kajian Pembangunan Semula Kampong Bharu
2.	16 Disember 2019 (Bil. 6/2019)	Kertas Makluman Cadangan Syarat Pemilikan Hartanah Mampu Milik Kampong Bharu



## SESI RUNDINGAN PERANCANGAN

- Bagi tahun 2019, terdapat satu (1) projek melibatkan sesi rundingan dan khidmat nasihat perancangan telah dilaksanakan. Sesi ini diadakan bagi tujuan memberikan khidmat nasihat serta membantu pihak berkepentingan seperti Pemaju, Pelabur, Jururancang Bandar atau Arkitek yang ingin melaksanakan pembangunan di Kampong Bharu.
- Permohonan bertujuan mendapatkan khidmat nasihat telah diadakan seperti berikut :
  - > Perbincangan bersama pihak Arkitek AS SHAFIQQ pada 10 Jun 2019.
- Terdapat tiga (3) cadangan bagi tujuan pelaksanaan pembangunan melibatkan :
  - > Cadangan Pembangunan 31 tingkat SOHO (230 unit) di atas Lot 133 oleh Janaf Sdn. Bhd.;
  - > Cadangan Pembangunan sebuah Blok Hotel 7 Tingkat (50 unit penginapan) di atas lot 2957 oleh Dato Haji Abdul Aziz Bin Mat; dan
  - > Cadangan Pembangunan Industri Pelancongan di Lebuhraya AKLEH, Transformasi Hijau Bandar oleh IBYSTUDIO.



## PROJEK PEMBANGUNAN SEMASA DI KAMPONG BHARU

- Bagi tahun 2019, PKB telah menyusun semula klasifikasi projek-projek pembangunan yang terdapat di Kampong Bharu. Ianya merujuk kepada situasi sebenar pelaksanaan projek selain strategi penyelesaian isu-isu berkaitan seperti persetujuan pemilik bagi tujuan pembangunan. Beberapa siri rundingan yang lebih fokus / spesifik terhadap penyelesaian isu pemilikan telah dijalankan bagi memastikan ketersediaan tapak-tapak yang boleh dibangunkan.
- Secara umumnya, terdapat tiga (3) projek siap dibina, sembilan (9) projek yang sedang dalam pembinaan manakala tujuh (7) projek sedang menunggu kelulusan perancangan. Selain itu juga, beberapa usaha telah dijalankan oleh PKB bersama pemilik / pewaris dan pemaju untuk mengadakan rundingan bagi tujuan pembangunan. Sehingga ini terdapat empat belas (14) projek yang diklasifikasikan sebagai projek rundingan. Selain itu juga, terdapat lima (5) tapak yang telah dikenalpasti sebagai tapak berpotensi untuk pembangunan.

### PROJEK TELAH SIAP DIBINA

Bil	Perkara
1.	Pembinaan Semula Masjid Jamek Kampong Bharu
2.	Pembangunan 21 tingkat Business Suites (133 unit) oleh Tetuan Arina Uniti Development Sdn. Bhd.
3.	Cadangan Pembangunan 40 tingkat Hotel dan Pangsapuri Servis oleh Tetuan Pembangunan Kampong Bharu Sdn. Bhd. (ZIKAY)
4.	Cadangan 1 Blok Pangsapuri (187 Unit) 39 tingkat dengan 1 tingkat Sub-Basemen Tempat Letak Kereta Di Atas Lot 3314, 3316 dan PT 391B Jalan Raja Ali, Kampong Bharu, Kuala Lumpur Untuk Tetuan Rah Properties Corporation Sdn. Bhd.

### PROJEK DALAM PERINGKAT PEMBINAAN


Bil	Perkara
1.	Cadangan Pembangunan Pangsapuri Servis 34 tingkat di atas Lot 2943, 2944 dan 2945 oleh Safuan Group Berhad
2.	Projek Mass Rapid Transit (MRT) Lembah Klang-Jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) – Stesen SS5
3.	Cadangan Pembangunan Semula Pasar Raja Bot
4.	Cadangan Pembangunan Bercampur (Legasi Residen) oleh UDA Holdings
5.	Cadangan Pembangunan 2 Blok Perdagangan Bercampur Bercampur 74, 72 dan Sebuah Roda "Ferris Wheel" di atas lot 1713 oleh tetuan M101 Entity Sdn Bhd
6.	Cadangan Pembangunan Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Lorong Haji Hussien 2, Wilayah Persekutuan
7.	Cadangan Pembangunan 1 Blok Bangunan Perdagangan 10 Tingkat Di Atas Lot-lot 1276, 1277, 1278 & 1279, Seksyen 41, Lorong Haji Hussein 1, Bandar Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tetuan New Paradise Development Sdn. Bhd.
8.	Cadangan Meroboh Bangunan Sediada dan Membina Semula 1 Blok Bangunan Akademik 7 Tingkat dan 1 Blok Bangunan Asrama 4 tingkat dan Kemudahan Sukan pada Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih Diatas Lot 1862, Lorong Haji Hussein 2, Seksyen 41, Bandar Kuala Lumpur oleh Tetuan Kementerian Pendidikan Malaysia

### PROJEK MENANTI KELULUSAN


Bil	Perkara
1.	Cadangan Pembangunan Bercampur 26 tingkat Di Atas Lot 1276, 1277, 1278 dan 1279 oleh MASMELAYU Sdn. Bhd.
2.	Cadangan Pembangunan Komersial Lot 1333
3.	Cadangan Pembangunan Pangsapuri Servis 39 tingkat oleh Safuan Group Berhad
4.	Cadangan Membina 8 Unit Kedai Pejabat 5 Tingkat Di Atas Lot-lot 1535, 1536, 1537, 1538, 1280, 1281, 1282, 1283, 1284, Lorong Haji Hussien Satu, Seksyen 41, Chow Kit, Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Tetuan Black Diamond Properties Sdn. Bhd.
5.	Cadangan Pembangunan Hotel & Pangsapuri Servis Di Atas Lot 2502 (Tetuan Berkat Intan)
6.	Cadangan Pembangunan Pangsapuri Servis 30 tingkat Di Atas Lot 2996 oleh Kasturi Kinta Sdn. Bhd.
7.	Cadangan Pembangunan Pangsapuri Servis Di Atas Lot 1246 dan Lot 1255 (Tetuan Nadi Cergas Development Sdn. Bhd.)

### PROJEK PADA PERINGKAT RUNDINGAN

Bil	Perkara
1.	Cadangan pembangunan parcel 1, Jalan Raja Alang
2.	Cadangan Pembangunan 2 Blok (676 unit) Apartment di Jalan Raja Abdulah/Jalan Raja Muda Abdul Aziz
3.	Rumah mampu milik oleh MRCB
4.	Cadangan Pembangunan semula 15 Lot tanah di Jalan Raja Uda/ Jalan Daud (KUMPULAN KERABAT RAJA PERLIS)
5.	Cadangan Pembangunan Raja Alang (CPRA)
6.	Sepakat membangunkan tanah melalui konsep penyatuan tanah (Group G-Shah)
7.	Projek Perintis Pembangunan Tanah Tapak Parcel 2 (Kampong Masjid)
8.	Cadangan Pembangunan MAIWP 2.45 ekar (Lot 84)
9.	Cadangan Pembangunan Semula Kawasan Tanah Mendap Kampong Pindah, Kampong Bharu
10.	Pencantuman tanah Yayasan Terengganu, UTM dan Hj Sahrom
11.	Pencantuman 19 Lot dengan Kasturi Kinta
12.	Pembangunan Semula Flat 4 Tingkat PKNS Tun Razak
13.	Pembangunan Semula Flat 4 Tingkat PKNS dan Rumah Teres Jalan Sungai Baru
14.	Pembangunan Semula Flat 17 Tingkat PKNS
15.	Tanah Berpotensi Milik Rohas, Pembangunan Mas Melayu Berhad dan Darussaada
16.	Tanah Berpotensi Milik Naza
17.	Tanah Berpotensi Milik Yapeim
18.	Tanah Milik Kerajaan Berpotensi untuk Tujuan Pembangunan Semula
19.	Tanah Berpotensi Milik Darulfikir




## PROJEK PADA PERINGKAT RUNDINGAN / PROJEK TAPAK-TAPAK BERPOTENSI



## JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SEMULA KAMPONG BHARU, KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (KWP)

- Keempat-empat Jawatankuasa Teknikal ini membentangkan usul dan cadangan kepada Jawatankuasa Kerja bagi tujuan penilaian, penelitian serta pindaan dan seterusnya dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemandu sebelum dibentangkan kepada pihak Kerajaan untuk tujuan kelulusan dan pelaksanaan.
- Beberapa siri mesyuarat telah diadakan dalam merangka kaedah terbaik pembangunan semula Kampong Bharu berdasarkan kepada Jawatankuasa Teknikal yang telah ditubuhkan:





## SESI TAKLIMAT PERANCANGAN

- Seharusnya Perancangan Bandar merupakan seksyen utama dalam menyediakan bahan-bahan taklimat yang menjadi medium utama dalam menyebarkan maklumat terkini berhubung cadangan serta hasrat pembangunan semula Kampong Bharu.
- Selain sesi taklimat rasmi yang telah diadakan kepada YB Menteri, Timbalan Menteri, Ahli Parlimen Titiwangsa dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, taklimat turut diberikan kepada pelajar UPM, UTM, UiTM, UIAM, SIT dan beberapa institusi pengajian tinggi swasta.



Sesi taklimat kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 26 Februari 2019



Sesi taklimat kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 2 April 2019




Sesi taklimat kepada Pelajar Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi UiTM pada 15 November 2019



Sesi taklimat kepada UIAM dan SIT, Japan pada 30 Oktober 2019

## PROGRAM LA21, KUALA LUMPUR

- Pada tahun 2019, pihak LA21, DBKL telah mengadakan satu (1) program iaitu BUNUS 2019 Fun Walk 4 River pada 19 Oktober 2019 yang telah turut memberi peluang kepada penglibatan PKB.
- LA21 merupakan program anjuran DBKL bersama masyarakat setempat dalam melahirkan kesedaran akan tanggungjawab ke atas persekitaran. Terdapat lapan (8) siri mesyuarat yang telah dihadiri PKB iaitu pada 8 Mac, 1 April, 8 April, 15 April, 22 April, 25 Julai, 8 Oktober dan 18 Oktober 2019.





# SEKSYEN ARKITEK

## PROJEK LAMAN RAJA ABDULLAH, KAMPONG BHARU

- Projek ini dicetuskan oleh Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dan dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
- Projek Laman Raja Abdullah ini bermula pada Oktober 2019 dan dijangka siap pada April 2020.
- Laman Raja Abdullah ini akan menjadi ruang awam yang lebih menarik dan segar di Kampong Bharu.



Perspektif Laman Raja Abdullah



Keadaan Asal



Dari Jalan Sultan Ismail



Dalam Pembinaan



## CADANGAN PAPAN TANDA PANDU ARAH (WAY FINDING)

- Cadangan papan tanda pandu arah (Way Finding) adalah bertujuan untuk memandu arah pejalan kaki khususnya ke tempat-tempat menarik dan tumpuan utama di Kampong Bharu.
- Ianya akan diletakkan di tempat-tempat strategik tumpuan pejalan kaki.
- Papan Tanda Pandu Arah ini direka bentuk dan diselaraskan dengan konsep Senibina Melayu Islam Kampong Bharu dengan memasukkan elemen tulisan khat jawi.



Sekitar Persimpangan Jalan Sultan Ismail



Sekitar Masjid Jamek Kampong Bharu



Sekitar Pintu Gerbang



Cadangan Rekabentuk

## CADANGAN MENAIKTARAF JALAN RAJA MUDA MUSA (RUANG PERKONGSIAN - SHARED SPACE)

- Projek ini dicetuskan oleh Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB).
- Semasa lawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur pada Januari 2019, beliau bersetuju agar perlaksanaan projek ini di bawah Jabatan Pelaksanaan Projek Dan Penyelenggaraan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
- Fasa pertama merangkumi sebahagian Jalan Raja Muda Musa iaitu bermula dari persimpangan Jalan Raja Abdullah sehingga Jalan Hassan Salleh.
- PKB telah mengenalpasti Jalan Raja Muda Musa sebagai pemangkin pertumbuhan produk pelancongan di Kampong Bharu dan berpotensi untuk dikembangkan.
- Projek ini akan menjadi projek perintis kepada Ruang Perkongsian.



Gambaran Perspektif Ruang Perkongsian



Plan Fasa Pertama Dari Persimpangan Jalan Raja Abdullah Hingga Jalan Hassan Salleh

## PROJEK DATARAN KAMPONG BHARU

- Projek ini dicetuskan oleh Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Pelaksanaan Projek Dan Penyelenggaraan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
- Tender Pra-Kelayakan telah dilaksanakan pada Oktober 2019 dan dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2020.
- Komponen utama projek adalah dataran, padang rekreasi dan tempat letak kereta serta kemudahan awam.




Gambaran Perspektif Dataran Kampong Bharu

## PENGUMPULAN DOKUMEN RUMAH TRADISIONAL


- Dokumen ini diperlukan bagi membantu dalam pembangunan kampung warisan.
- PKB telah mengenalpasti sebanyak 11 buah rumah tradisional yang akan dibina semula di Tapak Cadangan Taman Warisan Melayu (Pelan konsep Kampong Bharu, 2019) sebagai ruang awam yang bercirikan Bangunan Tradisional.



Rumah Tradisi Haji Abdullah, Jalan Raja Abdullah



Rumah Tradisi Ahmad Bin Haji Muhammad, Jalan Dato' Abdul Razak



Rumah Tradisi Mahmud Kaya, Jalan Dewan Sultan Sulaiman



Rumah Tradisi Puan Esah, Jalan Raja Uda

## LAWATAN KERJA BENCHMARKING DI MELAKA – MUZIUM HANG TUAH & KAMPUNG MORTEN

- Lawatan ini bertujuan untuk melihat bangunan tradisional yang dijadikan muzium.
- Mengambil input berkaitan pengurusan bangunan tradisional dan mengenalpasti kaedah pengurusan bangunan.
- Melihat kepelbagaiannya dalam menjadikan Kampung Morten lebih ceria dengan adanya elemen sungai, cruise, pencahayaan, landskap dan penyewaan homestay dari rumah yang dipelihara.
- Kampung Morten juga merupakan Kampung Melayu yang berada di tengah bandaraya Melaka yang mempunyai persamaan dengan Kampong Bharu.
- Lawatan ini diketuai oleh KPE PKB bersama 10 orang pegawai PKB pada 10 November 2019.

MUZIUM HANG TUAH



KAMPUNG MORTEN

## LAWATAN KE UTM SKUDAI DI BAWAH PROGRAM GCOM (GLOBAL COVENANT OF MAYORS) – LOW CARBON CITY

- Lawatan ini bertujuan bagi membincangkan hala tuju PKB bersama GCoM dalam melaksanakan *Low Carbon City* di Kampong Bharu.
- Mendengar pembentangan GCoM berkenaan cadangan menjadikan Kampong Bharu bandar rendah carbon mencapai tahun 2050
- Keperluan dan kehendak pembangunan akan datang di Kampong Bharu untuk mencapai matlamat PKB dan GCoM.
- Lawatan ini diketuai oleh KPE PKB bersama 10 orang pegawai PKB pada 11 November 2019.



Perbincangan Low Carbon City





# SEKSYEN KEJURUTERAAN



### INDEN

KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG INTERLOCKING PAVERS DI TAPAK BOUNDARY MARKERS KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR

**TARIKH MULA:** 16 APRIL 2019  
**TARIKH SIAP:** 29 APRIL 2019



### SEBUTHARGA

KERJA-KERJA SAMBUNGAN MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI JALAN RAJA ABDULLAH HINGGA KE PERSIMPANGAN JALAN RAJA MUDA ABDUL AZIZ, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR

**TARIKH MULA:** 05 OGOS 2019  
**TARIKH SIAP:** 04 OKTOBER 2019



### INDEN

KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECIL DI SURAU AL-HIDAYAH, FLAT PKNS JALAN TUN RAZAK, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR

**TARIKH MULA:** 24 OKTOBER 2019  
**TARIKH SIAP:** 06 NOVEMBER 2019



### TENDER

PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN LALUAN PEJALAN KAKI BERTINGKAT DARI JALAN SALOMA KE LORONG RAJA MUDA MUSA 3, KAMPONG BHARU MELINTASI SUNGAI KLANG / AKLEH (PINTASAN SALOMA)

**TARIKH MULA:** 02 APRIL 2018  
**TARIKH SIAP:** 31 JANUARI 2020



### SEBUTHARGA

KERJA-KERJA MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI SIMPANG LIMA, KAMPONG PAYA, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR

**TARIKH MULA:** 04 NOVEMBER 2019  
**TARIKH SIAP:** 29 DISEMBER 2019

## KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG *INTERLOCKING PAVERS* DI TAPAK BOUNDARY MARKERS KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR



SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS

## KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECIL DI SURAU AL-HIDAYAH, FLAT PKNS JALAN TUN RAZAK, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR




SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS




SEBELUM



SELEPAS

## KERJA-KERJA SAMBUNGAN MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI JALAN RAJA ABDULLAH HINGGA KE PERSIMPANGAN JALAN RAJA MUDA ABDUL AZIZ, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR



SEBELUM




SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS




SEBELUM




SELEPAS


## KERJA-KERJA MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI SIMPANG LIMA, KAMPONG PAYA, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR



SEBELUM




SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS


## PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN LALUAN PEJALAN KAKI BERTINGKAT DARI JALAN SALOMA KE LORONG RAJA MUDA MUSA 3, KAMPONG BHARU MELINTASI SUNGAI KLANG / AKLEH (PINTASAN SALOMA)

JANUARI 2019



MAC 2019

FEBRUARI 2019




NOVEMBER 2019



OKTOBER 2019

DISEMBER 2019





DISEMBER 2019



DISEMBER 2019



DISEMBER 2019



DISEMBER 2019



## JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

- Sepanjang 2019, terdapat enam (6) siri mesyuarat telah diadakan yang membincangkan berkaitan pembangunan Kampong Bharu merangkumi aspek teknikal dan pelaksanaan sebelum dikemukakan pada peringkat Ahli Majlis Penasihat ataupun Mesyuarat Anggota PKB bagi tujuan kelulusan dan pelaksanaan. Perincian mesyuarat serta aspek yang dibincangkan adalah seperti mana berikut :

BIL	TARIKH	ASPEK PERBINCANGAN
1/2019	21 Februari 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cadangan Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki</li> <li>• Cadangan Laman Kampong Bharu dan Laman Raja Abdullah (Cadangan Pocket Park)</li> <li>• Pintasan Saloma (Saloma Link)</li> <li>• Dataran Kampung Pindah</li> <li>• Pembangunan Semula Pasar Raja Bot</li> <li>• Laluan Pintas Sungai Bunus</li> <li>• Perkongsian Ruang Pada Jalan Raja Muda Musa (<i>Shared Space</i>)</li> </ul>
2/2019	16 April 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan Dokumen Dan Lukisan Rumah Tradisional Kampong Bharu</li> <li>• Cadangan Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki</li> <li>• Cadangan Laman Kampong Bharu dan Laman Raja Abdullah (Cadangan Pocket Park)</li> <li>• Pintasan Saloma (Saloma Link)</li> <li>• Dataran Kampung Bharu</li> <li>• Pembangunan Semula Pasar Raja Bot</li> <li>• Laluan Pintas Sungai Bunus</li> <li>• Perkongsian Ruang Pada Jalan Raja Muda Musa (<i>Shared Space</i>)</li> </ul>
3/2019	04 Julai 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan Dokumen Dan Lukisan Rumah Tradisional Kampong Bharu</li> <li>• Cadangan Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki</li> <li>• Cadangan: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Cadangan Laman Raja Abdullah</li> <li>ii. Cadangan Laman Kampong Bharu</li> </ul> </li> <li>• Saloma Link</li> <li>• Dataran Kampung Pindah</li> <li>• Pembangunan Semula Pasar Raja Bot</li> <li>• Laluan Pintas Sungai Bunus</li> <li>• Perkongsian Ruang Pada Jalan Raja Muda Musa (<i>Shared Space</i>)</li> </ul>
4/2019	03 September 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan Dokumen Dan Lukisan Rumah Tradisional Kampong Bharu</li> <li>• Cadangan Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki</li> <li>• Cadangan Laman Kampong Bharu dan Laman Raja Abdullah (Cadangan Pocket Park)</li> <li>• Pintasan Saloma (Saloma Link)</li> <li>• Dataran Kampung Pindah</li> <li>• Pembangunan Semula Pasar Raja Bot</li> <li>• Laluan Pintas Sungai Bunus</li> <li>• Perkongsian Ruang Pada Jalan Raja Muda Musa (<i>Shared Space</i>)</li> <li>• Penanda Arah (<i>Way Finding</i>)</li> </ul>

BIL	TARIKH	ASPEK PERBINCANGAN
5/2019	06 November 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengumpulan Dokumen Dan Lukisan Rumah Tradisional Kampong Bharu</li> <li>Cadangan Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki</li> <li>Cadangan Laman Kampong Bharu dan Laman Raja Abdullah (Cadangan Pocket Park)</li> <li>Pintasan Saloma (Saloma Link)</li> <li>Dataran Kampung Pindah</li> <li>Pembangunan Semula Pasar Raja Bot</li> <li>Laluan Pintas Sungai Bunus</li> <li>Perkongsian Ruang Pada Jalan Raja Muda Musa (<i>Shared Space</i>)</li> </ul>
6/2019	05 Disember 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengumpulan Dokumen Dan Lukisan Rumah Tradisional Kampong Bharu</li> <li>Cadangan Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki</li> <li>Cadangan Laman Kampong Bharu dan Laman Raja Abdullah (Cadangan Pocket Park)</li> <li>Pintasan Saloma (Saloma Link)</li> <li>Dataran Kampung Pindah</li> <li>Pembangunan Semula Pasar Raja Bot</li> <li>Laluan Pintas Sungai Bunus</li> <li>Perkongsian Ruang Pada Jalan Raja Muda Musa (<i>Shared Space</i>)</li> </ul>

# SEKSYEN EKONOMI

16,203+ ↑  
7,410+ ↑  
4,991+ ↑  
2,007+ ↑

## LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dalam perancangan untuk menubuhkan anak syarikat yang akan bertindak sebagai pemaju utama (*master developer*) bagi membangunkan kawasan Kampong Bharu dengan kaedah model perniagaan yang terbaik bagi menjamin kepentingan pemilik tanah Kampong Bharu.

Sehubungan dengan itu, PKB telah mengadakan 4 siri lawatan kerja ke agensi dan syarikat Kerajaan bagi mendapatkan pandangan, panduan dan pengalaman agensi dan syarikat terbabit menubuhkan dan menjalankan operasi anak syarikat.

## PROGRAM LAWATAN KERJA

Sepanjang tahun 2019, PKB telah mengadakan lawatan kerja ke agensi dan syarikat kerajaan seperti berikut:

- i. FRIM Incorporated Sdn. Bhd. laitu anak syarikat milik penuh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 19 Mac 2019.
- ii. Perbadanan Putrajaya pada 10 Oktober 2019.
- iii. Iskandar Investment Berhad pada 12 November 2019.
- iv. Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) pada 18 November 2019.

## Gambar-Gambar Lawatan Kerja Seksyen Ekonomi Tahun 2019

- i) Lawatan Kerja ke FRIM Incorporated Sdn. Bhd.



ii) Lawatan Kerja ke Perbadanan Putrajaya



iii) Lawatan Kerja ke Iskandar Investment Berhad



iv) Lawatan Kerja ke Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)



## LAPORAN PROGRAM JUALAN HALAL FOOD DAN BOOTH PAMERAN BAGI MAJLIS KHATAM AL QURAN DAN ILMIAH SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2019.

### LATAR BELAKANG

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) telah dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk menyelaras Majlis Khatam Al-Quran dan Ilmiah sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2019. Majlis ini telah diadakan pada 17 Februari 2019 bertempat di Masjid Jamek Kampong Bharu, Kuala Lumpur. Salah satu pengisian majlis ini ialah Program Jualan Halal Food dan booth pameran yang diadakan di sekitar kawasan masjid.

### OBJEKTIF PROGRAM

Program Jualan Halal Food dan booth pameran ini diadakan bagi memeriahkan lagi program Majlis Khatam Al-Quran. Di samping itu, peserta dapat menjual dan mempromosikan produk-produk halal keluaran tempatan dan seterusnya dapat menjana pendapatan mereka. Selain itu, penglibatan agensi dan syarikat kerajaan dalam pameran telah menarik pengunjung untuk memahami perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan

### PENYERTAAN PROGRAM

Sebanyak 20 tapak jualan dan ‘booth’ pameran disediakan dengan penyertaan 10 peniaga dan 10 ‘booth pameran’. Penyertaan terdiri daripada peniaga-peniaga Kampong Bharu, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, YaPEIM, Baitulmal, Tabung Haji, Pusat Pungutan Zakat, Agensi Anti Dadah Kebangsaan(AADK) dan Polis Diraja Malaysia. Program juga turut dimeriahkan dengan demo memasak dan mengedor bubur lambuk Masjid Jamek Kampong Bharu.

## Gambar-Gambar Program Jualan 'Halal Food' dan 'Booth' Pameran

v) Jualan 'Halal Food'



vi) ‘Booth Pameran’



vii) Demo Memasak dan Mengedarkan Bubur Lambuk Masjid Kampong Bharu







# BAHAGIAN **PENGURUSAN** **DAN KOMUNIKASI** **KORPORAT**

- Seksyen Pengurusan Tanah
- Seksyen Komunikasi Korporat
  - Seksyen Pengurusan
- Seksyen Teknologi Maklumat
  - Seksyen Kewangan

The background of the image is a wide-angle aerial photograph of a city at sunset. The sky is filled with vibrant colors, transitioning from deep orange and red at the horizon to a lighter, pinkish hue higher up. The city below is a dense cluster of buildings, with numerous skyscrapers visible against the backdrop of the colorful sky.

# **SEKSYEN PENGURUSAN TANAH**

## 1.0 PROGRAM PENYELESAIAN ISU PEMILIKAN TANAH

Program penyelesaian isu Pemilikan tanah bersama pemilik / pewaris merupakan inisiatif yang dirancang bagi membantu pemilik / pewaris dalam menyelesaikan isu harta tanah seperti pemilikan, pengurusan dan pentadbiran tanah, penyelesaian harta pusaka dan pembangunan semula Kampong Bharu.

Antara program yang dilaksanakan adalah seperti Sesi Libat Urus, Skuad Jejak Waris, Khidmat Nasihat dan Rundingan serta Klinik Harta Pusaka. Sejumlah 155 program yang melibatkan pemilik / pewaris dan agensi Kerajaan berkaitan telah diadakan sepanjang tahun 2019 seperti jadual berikut :

BIL	PROGRAM	BIL. PROGRAM
1	Sesi Libat Urus	12
2	Skuad Jejak Waris	4
3	Khidmat Nasihat dan Rundingan	114
4	Klinik Harta Pusaka	25
<b>Jumlah</b>		<b>155</b>

### SESI LIBAT URUS




## SKUAD JEJAK WARIS



## KHIDMAT NASIHAT DAN RUNDINGAN



## KLINIK HARTA PUSAKA



## 2.0 BENGKEL KAEADAH PEROLEHAN TANAH BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA KAMPONG BHARU

Bengkel ini telah diadakan pada 8 April 2019 yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan pandangan yang lebih jelas daripada agensi kerajaan/swasta serta pengamal industri harta tanah berkenaan kaedah perolehan tanah yang terbaik bagi tujuan pembangunan semula Kampong Bharu.

Bengkel yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu telah melibatkan lebih kurang 40 orang peserta yang terdiri daripada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTG WPKL), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Ibupejabat, JKPTG WPKL, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Ibupejabat, JPPH WPKL, Jabatan Perancangan Bandaraya DBKL, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan DBKL, *Malaysian Institute Of Planner*, pemaju perumahan, perunding harta tanah, peguam harta tanah dan ahli akademik.



### 3.0 KELULUSAN PERMOHONAN PERIZABAN TANAH


Sebanyak lima permohonan perizaban tanah kerajaan (Seksyen 62, Kanun Tanah Negara) telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTG WPKL) dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKTWPKL) pada tahun ini. Tujuan permohonan ini adalah untuk penyediaan kemudahan komuniti setempat dan seterusnya membantu memudahkan pembangunan semula kelak.

Tanah-tanah ini adalah dibawah kawalan pegawai pengawal Ketua Setiausaha Negara (KSN) / Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Wilayah Persekutuan. Perincian kelulusan perizaban tanah ini adalah seperti berikut:

BIL	NO. LOT	PEGAWAI PENGAWAL	LOKASI	TUJUAN
1.	20082	Ketua Setiausaha Negara	Jalan Raja Uda, Kg Pindah	Padang dan Pusat Rekreasi
2.	20088	Ketua Setiausaha Negara	Jalan Haji Yaakob, Kg Pindah	Padang dan Pusat Rekreasi
3.	2191	Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan	Jalan Datuk Abdul Malik, Sg Baru	Pusat Komuniti
4.	2192	Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan	Jalan Datuk Abdul Malik, Sg Baru	Pusat Komuniti
5.	20086	Ketua Setiausaha Negara	Jalan Dewan Sultan Sulaiman, Kg Periorek	Tapak Landskap

Lot 20082 & 20088





Lot 2191 & 2192



Lot 20086



## 4.0 SISTEM MAKLUMAT TANAH PKB (PKBLiS)

Sistem Maklumat Tanah PKB (PKBLiS) telah diperkenalkan pada penghujung tahun 2019. Sistem ini dibangunkan adalah berdasarkan keperluan semasa PKB untuk menggantikan kaedah penyimpanan rekod dan maklumat tanah semasa.


Terdapat 6 buah modul utama di dalam sistem iaitu:

- 4.1 Modul *Login*
- 4.2 Modul Halaman Utama
- 4.3 Modul Maklumat Hakmilik
  - 4.3.1 Maklumat tanah
  - 4.3.2 Maklumat perhubungan pemilik
  - 4.3.3 Maklumat harta pusaka
  - 4.3.4 Maklumat tanah terdahulu
- 4.4 Modul Maklumat Pembangunan
  - 4.4.1 Premis/gunatanah
  - 4.4.2 Pembangunan semula
- 4.5 Modul Peta Interaktif
- 4.6 Modul Pentadbir

Sistem ini akan memudahkan capaian maklumat oleh pengguna, penyimpanan maklumat pangkalan data yang lebih tersusun, menghubungkan maklumat tanah dan data spatial (GIS) sebagai alat bantu tugas, pengemaskinian data yang lebih mudah dan efektif, dan penyimpanan maklumat tanah dengan lebih selamat.



Paparan Antaramuka



Modul Peta Interaktif


The screenshot shows the 'MAKLUMAT TANAH' (Land Information) module of the PKBLIS system. The form contains fields for inputting land details such as location, category, dimensions, and ownership information. The fields include dropdown menus for 'Kawasan Pentadbiran' (Administration Area), 'Kategori Tanah' (Land Category), 'Jenis Lot' (Lot Type), 'Bandar/Pekan/Mukim' (Town/Village), 'Keluasan' (Area), 'Keluasan Pengambilan Tanah' (Land Takeover Area), and 'Keluasan Bersih' (Clean Area). It also includes dropdowns for 'Lokasi' (Location), 'Jenis Hartanah' (Type of Land), 'No. Hakmilik/Warta' (Land Record Number), 'Daerah' (District), 'Negeri' (State), and 'Unit' (Unit).

Modul Maklumat Tanah

## 5.0 LAPORAN PENERIMAAN BORANG MAKLUM BALAS BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA KAMPONG BHARU

PKB telah mengadakan Sesi Town Hall YB Menteri Wilayah Bersama Pemilik Tanah Kampong Bharu pada 21 September 2020 di Dewan Perdana Felda. Berdasarkan sesi tersebut, tawaran pembelian tanah adalah sebanyak RM850.00 sekaki persegi telah ditawarkan kepada pemilik dan pewaris tanah.

Sehingga 10 Oktober 2019, PKB telah menerima 1,371 borang maklum balas daripada pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu. Jumlah ini mewakili sebanyak 1,201 (22.41%) pemilik berdaftar daripada 5,359 keseluruhan pemilik tanah di Kampong Bharu.





## SESI TOWN HALL YB MENTERI WILAYAH BERSAMA PEMILIK TANAH KAMPONG BHARU

Lanjutan dari tawaran pada Sesi Town Hall, YB Menteri Wilayah Persekutuan telah mengumumkan tawaran baharu pembelian tanah oleh Kerajaan di Lobi Menara DBKL, Jalan Raja Laut pada 24 Oktober 2019 berjumlah RM1,000.00 sekaki persegi (RM850.00 sekaki persegi secara pilihan pulangan dan RM150.00 sekaki persegi melalui pegangan saham dalam SPV).

YB Menteri juga telah memberi tempoh kepada pemilik dan pewaris untuk mengemukakan maklum balas persetujuan sehingga 30 November 2019 berdasarkan tawaran baharu ini. Sehingga tempoh tersebut, PKB telah menerima tambahan borang maklum balas sebanyak 831.

Secara keseluruhan sehingga 30 November 2019, PKB telah menerima 2,202 borang maklum balas dan jumlah ini mewakili sebanyak 1,818 (33.93%) pemilik tanah berdaftar di Kampong Bharu.

Perincian penerimaan borang maklum balas adalah seperti berikut :



## PENGUMUMAN TAWARAN BAHARU KERAJAAN



## PENYEDIAAN LAPORAN MAKLUM BALAS



# **SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



**Seksyen Komunikasi Korporat** adalah sebagai tulang belakang Perbadanan yang bertindak selaku penyampai dan penyaluran maklumat, peningkatan imej korporat, perhubungan awam, perhubungan media, pengurusan aduan dan bertanggungjawab ke atas pengurusan khidmat pelanggan.


## FUNGSI SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- Membentuk dan mengekalkan imej positif Perbadanan
- Memantau dan menyelaras isi kandungan laman sosial agar sentiasa dikemaskini
- Mengurus liputan dan sidang akhbar
- Mempromosi program dan aktiviti Perbadanan dan Kementerian ke arah pembentukan imej yang positif melalui promosi dan publisiti yang strategik
- Menguruskan perhubungan awam dan media serta merancang strategi media dalam penyebaran maklumat secara berkesan dan bagi memenuhi ketetapan masa dan objektif Kementerian secara keseluruhan
- Menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta situasi yang ada kaitan dengan Perbadanan

## PENGURUSAN ADUAN

Sepanjang tahun 2019, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) telah menerima sejumlah enam belas (16) aduan dari pelbagai sumber. Sembilan (9) aduan telah berjaya diselesaikan dengan mengambil tempoh selama satu (1) hari manakala sebanyak satu (1) aduan diselesaikan dalam tempoh masa 2 hingga 5 hari dan Enam (6) aduan dapat diselesaikan dalam tempoh 6 hingga 10 hari.

### JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA DAN DISELESAIKAN DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2019



## MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN ILMIAH SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN

Program Khatam Al-Qur'an dan Ilmiah merupakan salah satu daripada 21 program yang telah dirancang sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan telah merasmikan dan bersama-sama lebih 600 peserta telah menyempurnakan acara khatam Al-Quran pada majlis tersebut. 300 peserta adalah dari kalangan pelajar tahfiz sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan selebihnya adalah peserta dari kalangan terbuka yang terdiri dari pelbagai peringkat umur.



Selain acara khatam, majlis turut diisi dengan pelbagai aktiviti seperti pertandingan mewarna, slot Bersama Mufti, Alunan Qasidah, memanah, cabutan bertuah, pameran, jualan makanan dan kaunter perkhidmatan dari beberapa agensi berkaitan. Tambahan lagi, bubur lambuk Kampong Bharu yang menjadi kegemaran orang ramai turut diedarkan secara percuma. Sebagai usaha dalam menyokong inisiatif pengurangan beg plastik, pengajur telah menetapkan laluan 'Fast Lane' untuk mereka yang hadir dengan membawa bekas makanan sendiri untuk mendapatkan bubur lambuk pada majlis tersebut.



Majlis anjuran KWP dan PKB ini turut melibatkan beberapa agensi dan badan-badan bukan kerajaan lain seperti Baitulmal MAIWP, Pusat Pungutan Zakat, JAWI, YPEIM, JAKIM, Masjid Jamek Kampong Bharu, DBKL, IKIM, Pejabat Mufit Wilayah Persekutuan, PDRM, DPMM, Alam Flora, Lembaga Tabung Haji, RELA, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, AADK, Ketua-Ketua Kampung dan Pertubuhan-Pertubuhan Komuniti di dalam Kampong Bharu sendiri.



## SESI TOWN HALL YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA PEMILIK TANAH BERDAFTAR KAWASAN MAS KAMPONG BHARU

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah Menganjurkan Sesi Town Hall YB Menteri Wilayah Persekutuan Bersama Pemilik Tanah Kampong Bharu pada 21 September 2019 (Sabtu).



### INTIPATI PROGRAM

Kerajaan menawarkan untuk membeli tanah di Kampong Bharu pada kadar RM850 satu kaki persegi yang merupakan kadar tertinggi dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan mengambilkira faktor mengekalkan syarat kepentingan pemilikan oleh orang Melayu sahaja. Penilaian juga dibuat berdasarkan transaksi-transaksi jualan lot tanah di Kampong Bharu terdahulu.

Kerajaan memperkenalkan empat tawaran untuk dipilih sendiri oleh setiap pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu bagi urusan jual beli iaitu pulangan tunai, pulangan unit siap, kombinasi pulangan tunai dan unit siap serta pulangan sebagai pemegang saham dalam syarikat tujuan khas (SPV). Tawaran jual beli ini adalah berdasarkan lot tanah dan bukannya setiap pemilik yang berdaftar.

Sebanyak 45 ribu unit kediaman pelbagai jenis akan dibangunkan khususnya kepada orang Melayu.



Dijangka melalui pembinaan lot kediaman yang dirancang ini akan membolehkan bilangan orang Melayu bertambah di dalam kawasan tersebut berbanding sekarang yang dimonopoli oleh warga asing. Hasil pembangunan semula Kampong Bharu ini seterusnya dapat mengembangkan lagi pemilikan harta tanah orang Melayu di dalam kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur. Sesi ini mendapat sambutan di luar jangkaan dimana seramai 2528 telah hadir terdiri daripada pemilik dan pewaris serta juga pemerhati.



## PENGUMUMAN TAWARAN BAHARU KERAJAAN KEPADA PEMILIK TANAH

YBM telah mengumumkan tawaran baharu kerajaan bagi membeli tanah di Kampong Bharu pada 24 Oktober 2019 di lobi menara DBKL 1. KWP telah bersetuju untuk menawarkan tawaran baharu pada satu harga seragam bernilai RM1,000.00 sekaki persegi (RM 850.00 sekaki persegi dalam bentuk tunai dan RM150.00 sekaki persegi dalam bentuk pegangan saham) kepada keseluruhan tanah kawasan M.A.S, Kampong Bharu.

## PROGRAM AGIHAN SUMBANGAN DAN MAJLIS BERBUKA PUASA TAHUN 2019

Program agihan sumbangan dan majlis berbuka puasa telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan bertempat di Masjid Jamek Kampong Bharu, Kuala Lumpur. Sebanyak 71 buah masjid, 77 surau jumaat dan 330 buah surau di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima sumbangan sempena Ramadan Al-Mubarak tahun ini. Sumbangan yang diagihkan ini sedikit sebanyak dapat membantu menampung perbelanjaan yang ditanggung pihak pengurusan di samping mengimarahkan masjid dan surau.



## **WARKAH SEMBAH MAKLUM MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah berkenan untuk menerima mengadap Menteri Wilayah Persekutuan bersama-sama Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Pengurus Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam Selangor.

Hasil pertemuan tersebut, besar harapan Kementerian untuk menyempurnakan titah DYMM Sultan yang mahukan Kampong Bharu dibangunkan dengan sebaiknya di samping mengekalkan elemen dan ciri-ciri kemelayan di Kampong Bharu. Kementerian turut mengambil maklum titah DYMM Sultan yang menyatakan keadaan Kampong Bharu ketika ini tidak lagi kondusif dan turut dipandang rendah oleh pelancong asing.



Selain itu, titah DYMM Sultan yang mahukan lokasi bersejarah di Kampong Bharu seperti Masjid Jamek Kampong Bharu dan Kelab Sultan Sulaiman dikekalkan dan dipulihara sepenuhnya supaya dapat diwarisi dan diketahui generasi akan datang mengenai sejarah kewujudan Kampong Bharu. Begitu juga pengekalan nama-nama jalan yang telah diletakkan nama-nama salasilah kaum kerabat Kesultanan Selangor dan tokoh-tokoh penting yang telah terlibat di peringkat awal kewujudan Kampong Bharu.



## PROGRAM CUSTOMER SERVICE DAY KWP & AGENSI

Program Customer Service Day Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi yang diadakan pada 8 hingga 10 November 2019 di dataran Putrajaya ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari pelbagai pihak terutama sekali agensi-agensi yang terlibat dan juga orang ramai.

Pengisian program Customer Service Day bersama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi 2019 ini bertujuan untuk mempamerkan produk, perancangan dan pencapaian agensi-agensi di bawah KWP seperti Dewan Bandaraya



Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPJ), Perbadanan Labuan (PL), dan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB). Selain itu, KWP juga turut bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan lain untuk membuka kaunter perkhidmatan dan informasi kepada pelanggan.

## PROGRAM PENAWARAN PERKHIDMATAN SEMPENA PENGANJURAN PUTRAJAYA OPEN DAY

Bersempena penganjuran Putrajaya Open Day yang bertemakan “Sehari Bersama Rakyat, Menyediakan 1001 Perkhidmatan” telah diadakan pada 5 Oktober 2019 (Sabtu) bertempat di perkarangan bangunan MOT, Putrajaya. Tujuan pengisian program adalah untuk mendapatkan maklumat dan perkongsian berkenaan mekanisme yang diperoleh dari Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk sektor swasta yang berada dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya.



Kementerian Pengangkutan Malaysia yang juga turut serta dalam menjayakan program ini, dapat bersama-sama memberikan pelbagai perkhidmatan dan nasihat termasuk layanan kaunter bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Penerangan Malaysia (MAVCOM) dan PUSPAKOM. Matlamat utama program yang berlangsung sepanjang 8.00 pagi hingga 5.00 petang itu adalah untuk memberikan impak yang besar dalam meghasilkan objektif POD dengan memberi khidmat secara terus kepada rakyat.



## AKTIVITI/PROGRAM PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU (PKB) TAHUN 2019

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Temubual Secara Langsung di Radio Ikim	7 Februari 2019 (Khamis)	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
2.	Temubual Program : Nine11 (Siaran Langsung) dalam Segmen Sembang Apa	14 Februari 2019 (Khamis)	Bernama
3.	Majlis Khatam Al-Quran dan Ilmiah Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan	17 Februari 2019 (Ahad)	Masjid Jamek Kampong Bharu
4.	Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) Tahun 2019	19 Februari 2019 (Selasa)	Istana Negara
5.	Mesyuarat Anggota Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) Bil.1/2019	22 Februari 2019 (Jumaat)	Bilik Mesyuarat Utama Raja Abdullah, Aras 2, Kampong Bharu
6.	Lawatan DYMM Sultan Selangor ke Kampong Bharu	24 Februari 2019 (Ahad)	Sekitar Kampong Bharu
7.	Sambutan Hari Landskap Negara	1 - 3 Mac 2019 (Jumaat hingga Ahad)	Taman Botani, Putrajaya
8.	Majlis Pelancaran Program Ikon Remaja oleh Perdana Menteri Malaysia , YAB Tun Dr Mahathir Bin Mohamad	14 Mac 2019 (Khamis)	Putrajaya International Convention Centre
9.	Sesi Temubual Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) Bersama Media Wilayahku	26 Mac 2019 (Selasa)	Bilik Mesyuarat Utama Raja Abdullah, Aras 2, Kampong Bharu
10.	Sesi Temubual Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Bersama Berita Harian	09 April 2019 (Selasa)	Bilik Mesyuarat Utama Raja Abdullah, Aras 2, Kampong Bharu
11.	Mesyuarat Anggota Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) Bil. 2/2019	11 April 2019 (Khamis)	Bilik Mesyuarat Utama Raja Abdullah, Aras 2, Kampong Bharu
12.	Sesi Taklimat Khas kepada Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Mengenai Pembangunan Semula Kampong Bharu	26 April 2019 (Jumaat)	Bilik Mesyuarat Perdana Kementerian Wilayah Persekutuan
13.	Majlis Perundingan Belia Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sidang 1/2019 Dipengerusikan oleh YB Tuan Haji Haji Khalid Bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan	4 Mei 2019 (Sabtu)	Dewan Kinabalu, The Love @Matic Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
14.	Temubual Media Kosmo Bersama Ketua Pegawai Eksekutif PKB	13 Mei 2019 (Isnin)	Bilik Mesyuarat Utama Raja Abdullah, Aras 2, Kampong Bharu
15.	Program Agihan Sumbangan Dan Majlis Berbuka Puasa Tahun 2019	21 Mei 2019 (Selasa)	Dewan Masjid Jamek Kampong Bharu
16.	Majlis Penyerahan Sumbangan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan Kepada Mangsa Kebakaran Rumah Di Jalan Raja Muda Musa Kampong Bharu	15 Jun 2019 (Sabtu)	Dewan Serbaguna, Jalan Hamzah, Kampong Bharu
17.	Mesyuarat Anggota Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Bil 3/2019	16 Ogos 2019 (Ahad)	Bilik Mesyuarat Utama Raja Abdullah, Aras 2, Kampong Bharu

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
18.	Majlis Pra Pelancaran Sesi Town Hall YB Menteri Wilayah Persekutuan Bersama Pemilik Tanah Berdaftar Kawasan M.A.S Kampong Bharu	18 Ogos 2019 (Ahad)	Masjid Jamek Kampong Bharu
19.	Perasmian Program Kembara Jelajah Merdeka Di Kelab Sultan Sulaiman Kampong Bharu oleh YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan	25 Ogos 2019 (Ahad)	Kelab Sultan Sulaiman, Kampong Bharu
20.	Taklimat Awal Sesi Town Hall YB Menteri Kepada Pemilik Tanah	2 September 2019 (Isnin)	Dewan Kelab Sultan Sulaiman
21.	Taklimat Awal Sesi Town Hall YB Menteri Kepada Pemilik Tanah	7 September 2019 (Sabtu)	Dewan Kelab Sultan Sulaiman
22.	Temubual Mengenai Cadangan Pembangunan Semula Kampong Bharu	10 September 2019 (Selasa)	Selamat Pagi Malaysia, RTM Angkasapuri
23.	Taklimat Awal Sesi Town Hall YB Menteri Kepada Pemilik Tanah	14 September 2019 (Sabtu)	Dewan Kelab Sultan Sulaiman
24.	Ruang Bicara Mengenai Cadangan Pembangunan Semula Kampong Bharu	14 September 2019 (Sabtu)	Radio, KLFM Angkasapuri
25.	Temubual Bersama YBrs. Tuan Haji Zulkurnain Bin Hassan Cadangan Pembangunan Semula Kampong Bharu	17 September 2019 (Selasa)	Hot FM, Sri Pentas Persiaran Bandar Utama
26.	Temubual Bersama Encik Roslan Bin Mohammad Mengenai Cadangan Pembangunan Semula Kampong Bharu	18 September 2019 (Sabtu)	Bernama, News Channel
27.	Sesi Town Hall YB Menteri Wilayah Persekutuan Bersama Pemilik Tanah Berdaftar Kawasan Mas Kampong Bharu	21 September 2019 (Sabtu)	Dewan Perdana Felda
28.	Temubual Bersama YBrs. Tuan Haji Zulkurnain Bin Hassan Mengenai Pembangunan Kampong Bharu	2 Oktober 2019 (Rabu)	Analisis, TV Al-Hijrah
29.	Program Penawaran Perkhidmatan Sempena Penganjuran Putrajaya Open Day	05 Oktober 2019 (Sabtu)	Atrium Aras G, Menara Seri Wilayah KWP
30.	Program Customer Service Day KWP & Agensi 2019	8 Hingga 10 November 2019 (Jumaat Hingga Ahad)	Dataran Putrajaya
31.	Sesi Penerangan Tarawan Terbaru Kerajaan Kepada Pemilik Dan Pewaris Tanah Berkenaan Pembangunan Kampong Bharu	9 dan 26 November 2019 (Sabtu Dan Selasa)	Dewan Kelab Sultan Sulaiman Kampong Bharu
32.	Warkah Sembah Maklum Menteri Wilayah Persekutuan Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj	21 November 2019 (Khamis)	Istana Bukit Kayangan, Shah Alam
33.	Segmen Cakaplah, Kampong Bharu Apa Yang Anda Mahu? Sinar Harian	21 November 2019 (Khamis)	Dewan Wui, Kompleks Kumpulan Media Karangkaraf



# **SEKSYEN PENGURUSAN**

## UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN PENTADBIRAN

Unit Pengurusan Sumber Manusia (PSM) berperanan dan bertanggungjawab dalam merancang keperluan perjawatan dan sumber manusia, melaksanakan penyusunan semula struktur organisasi dan melaksanakan pengukuhan perjawatan di Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB).

### PENGISIAN PERJAWATAN

Sehingga Disember 2019, PSM telah melaksanakan pengisian penuh perjawatan iaitu sebanyak 22 jawatan berdasarkan waran perjawatan yang diluluskan. Perincian Pengisian Perjawatan adalah seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Perincian Pengisian Perjawatan**

BIL	KUMPULAN JAWATAN	JUMLAH	PENGISIAN	KEKOSONGAN
1.	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	1	1	0
2.	Kumpulan Pengurusan & Profesional	13	13	0
3.	Kumpulan Sokongan I	5	5	0
4.	Kumpulan Sokongan II	3	3	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		22	22	0

### SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa. Daripada dua (2) modul yang dilaksanakan sebelum ini iaitu modul Rekod Peribadi dan Pengurusan Prestasi, kini tambahan satu (1) modul baru iaitu Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran. Status pelaksanaan Sistem HRMIS adalah seperti Jadual 2 berikut:

**Jadual 2: Status Pelaksanaan Sistem HRMIS**

MODUL	SUB-MODUL	BILANGAN PEMILIK KOMPETENSI	PERATUSAN (%)
Pengurusan Rekod Peribadi	Data Rekod Peribadi	22/22	100%
	Profil Perkhidmatan	22/22	100%
	Perisyntiharhan Harta	22/22	100%
Pengurusan Prestasi	Sasaran Kerja Tahunan (SKT)	22/22	100%
	Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)	22/22	100%
Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran	Pengurusan Cuti	22/22	100%

## KURSUS DAN LATIHAN

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 34 kursus dan latihan telah dilaksanakan atau diberikan kepada kakitangan melibatkan semua seksyen dan unit. Pelaksanaan adalah merangkumi kursus secara dalaman atau luar seksyen. Kursus dan latihan kepada kakitangan sangat penting dalam mempertingkatkan lagi pengetahuan, kemahiran, kecekapan dan prestasi kerja bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Berikut adalah senarai kursus dan latihan yang telah dihadiri kakitangan sepanjang tahun 2019.

**Jadual 3:** Senarai Kursus Dan Latihan Dihadiri Pegawai Sepanjang Tahun 2019

BIL.	TARIKH	NAMA KURSUS & LATIHAN	TEMPAT	BIL. PESERTA
1	8/1/2019	Seminar Nasional Bagi Pelan Induk Pejalan Kaki dan Basikal Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	1
2	15/1/2019 - 17/1/2019	Bengkel Jawatankuasa Spesifikasi Dan Pernyataan Kehendak Kerajaan (Need Statement)	Holiday Inn, Melaka	9
3	7/3/2019	Latihan Public Sector Comparator (PSC)	Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)	1
4	11/3/2019	Taklimat Perlaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dan Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) di Kementerian / Agensi	Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP)	1
5	18/3/2019	Kursus Aplikasi Geographic Information System (GIS) & Visio: Penyediaan Pelan Untuk Kerja Penilaian	Institut Penilaian Negara (INSPEN)	1
6	28/3/2019	Bengkel Intergrating Town Planning and the way Forward.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	1
7	4/4/2019	Taklimat Surat Pekeliling Akauntan negara Malaysia Bil. 3 Tahun 2018 Bagi Zon Tengah	Dewan Serbaguna, Aras 7, Jabatan Akauntan Negara, Malaysia	1
8	5/4/2019	Latihan Sistem SAGA	Aras 1, Ruang Taklimat Raja Alang, PKB	1
9	8/4/2019	Bengkel Kaedah Perolehan Tanah Melalui Pembelian Dan Pengambilan Tanah Bagi Cadangan Pembangunan Semula Kampong Bharu	Aras 1, Ruang Taklimat Raja Alang, PKB	13
10	11/4/2019	Bengkel Pelan Strategik ICT Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) 2019 - 2022	Gold Coast Morib International Resort, Banting, Selangor	19
11	17/4/2019	Bengkel Pemantapan Sistem Pemantauan Projek (SPP II)	Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP)	1
12	18/4/2019	Seminar Pengambilan Tanah: Perundingan VS Amalan	Bangi Resort Hotel, Selangor	1
13	23/4/2019	Bengkel Pemurnian Pelan Strategik ICT Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) 2019-2022	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	2
14	17/5/2019	Taklimat Pengenalan dan Perlaksanaan MS ISO 37001:2016 (Anti Bribery Management System) kepada Ketua-Ketua Unit Integriti Sektor awam siri 1	Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP)	1
15	8/6/2019	DGCCR Online Learning Package 1	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	1

BIL.	TARIKH	NAMA KURSUS & LATIHAN	TEMPAT	BIL. PESERTA
16	13/6/2019	Bengkel Siri IV- Kajian Semakan PSKL 2020	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	2
17	24/6/2019 - 25/6/2019	Bengkel Jawatankuasa Kerja Penetapan Hala Tuju dan Pelan Strategik 2021-2025 Kementerian Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan Putajaya (WPP)	2
18	1/7/2019	Kursus Kesedaran Kuala Lumpur ke Arah Rendah Karbon: Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	1
19	2/7/2019	Kursus Kesedaran Kuala Lumpur Ke Arah Rendah Karbon: Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur (PIMRM KL 2030)	Bilik Akademik 4-05 & 4-06, Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	5
20	10/7/2019	Bengkel Penyediaan Laporan Sistem Audit Nilai (SPAN) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi	Wilayah Persekutuan Putajaya (WPP)	1
21	11/7/2019	Bengkel Penyediaan Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	1
22	18/7/2019	Sesi Latihan Sistem Pemantauan Laman Web dan Servis Kerajaan (SPLaSK)	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	1
23	23/7/2019	Bengkel Ketetapan Hala Tuju dan Perancangan Rancangan Malaysia Kedua Belas RM -12 WP.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	2
24	31/7/2019	Bengkel Perolehan Tender bagi projek membina dan menyiapkan dataran kemudahan tempat letak kereta dan kemudahan berkaitan di rizab padang dan pusat rekreasi, Kampung Pindah, Kampong Bharu, Kuala Lumpur (reka dan bina)	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	9
25	12/8/2019	DGCCR Online Learning Package 2	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	1
26	17/8/2019	DGCCR Online Learning Package 3	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	1
27	20/8/2019	Seminar Pengurusan Aset 2019: "Readiness & Challenges Towards IR 4.0)	Dewan Azman Hashim Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur	1
28	23/9/2019	Kursus Pengenalan Kepada MPSAS PBT & Badan Berkanun	Institut Perakaunan Negara	1
29	1/10/2019	Kursus Investment Analysis on Property Industry	Perak	1
30	22/10/2019 - 24/10/2019	Bengkel Pemurnian Penetapan Hala Tuju dan Pelan Strategik KWP 2021-2025 dan Bengkel Penyediaan Petunjuk Prestasi Utama (MPI) 2020	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	1
31	22/10/2019 - 24/10/2019	Kursus Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan	Institut Perakaunan Negara	1
32	22/10/2019 - 24/10/2019	Kursus Pengurusan dan Pemantapan Media Sosial Ke Arah Kecemerlangan Organisaasi (INSTUN)	Perak	3
33	24/10/2019	Bengkel Corruption Risk Management (CRM) Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu	Ruang Taklimat Raja Alang, Aras 1, PKB	20
34	17/11/2019 - 20/11/2019	Bengkel Corruption Risk Management (CRM) Langkawi	Hotel Bayview, Langkawi	34

## MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT

Sepanjang tahun 2019, sebanyak enam (6) kali Mesyuarat Majlis Penasihat Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) telah dilaksanakan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Khay bin Ibrahim. Pelaksanaan mesyuarat ini adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 20 (3) Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 (Akta 733). Perincian Pelaksanaan Mesyuarat Majlis Penasihat Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) adalah seperti Jadual 4 berikut:

**Jadual 4: Pelaksanaan Mesyuarat Majlis Penasihat Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Tahun 2019**

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT	TARIKH
Mesyuarat Bil.1/2019	31 Januari 2019
Mesyuarat Bil.2/2019	28 Mac 2019
Mesyuarat Bil.3/2019	15 Mei 2019
Mesyuarat Bil.4/2019	25 Julai 2019
Mesyuarat Bil.5/2019	17 Oktober 2019
Mesyuarat Bil.6/2019	16 Disember 2019

## PROGRAM-PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2019

**Bengkel Pelan Strategik ICT Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) 2019 – 2022 di Gold Coast Morib International Resort, Banting, Selangor:**  
11 – 13 April 2019



**Bengkel Corruption Risk Management (CRM)  
di Hotel Bayview, Langkawi :  
17 – 20 November 2019**





**Bengkel Penilaian Tender Kerajaan di  
Paradise Spa Hotel, Port Dickson,  
Negeri Sembilan :  
30 Oktober 2019**

# **SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT**

## BENGKEL PELAN STRATEGIK ICT PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU (PKB) 2019-2022

Bengkel Pelan Strategik ICT PKB 2019-2022 ini telah diadakan pada 11 hingga 13 April 2019 bertempat di Gold Coast Morib International Resort. Bengkel ini bertujuan untuk membantu dalam menyediakan satu platform dan kemudahan komunikasi interaktif yang kukuh serta memenuhi keperluan dan standard yang ditentukan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan (MAMPU).

Bengkel ini juga telah mendapat kerjasama strategik daripada pegawai MAMPU bagi membantu serta bertukar-tukar pandangan supaya ianya menjadi lebih mantap dan tersusun.








# SEKSYEN KEWANGAN



## PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN


- **PENDAPATAN**

Keseluruhan pendapatan PKB pada tahun 2019 ialah **RM 27,821,262.00** seperti:



- **PERBELANJAAN**

Keseluruhan perbelanjaan PKB pada tahun 2019 ialah **RM5,192,888.00** seperti:




## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA) PERINGKAT PKB

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) peringkat PKB telah diadakan sebanyak 4 kali setiap suku tahun 2019 sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan PS 5.1.

LAPORAN SUKU TAHUN	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT
Pertama ( Berakhir Pada 31 Mac )	2/2019	10/4/2019
Kedua ( Berakhir Pada 30 Jun )	3/2019	10/7/2019
Ketiga ( Berakhir Pada 30 September )	4/2019	08/10/2019
Keempat ( Berakhir Pada 31 Disember )	1/2020	21/01/2020

### BAJET TAHUN 2019

Sehingga 31 Disember 2019, PKB telah menerima peruntukan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan sebanyak **RM 27,628,810.00**.



#### Jenis Peruntukan:

- Peruntukan Geran Mengurus
- Peruntukan Geran Pembangunan
- Peruntukan Joint Program Bersama Media di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya Tahun 2019
- Peruntukan Penerbitan Fotografi dan Video

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 25.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 (Akta 733).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan**

Angota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang memberi gambaran benar dan saksama **selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS)** dan Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 (Akta 733) juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, Angota Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko

berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu .
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Perbadanan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu memberi gambaran yang saksama.

#### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu berdasarkan Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 (Akta 733) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(ZIRAWATI BINTI KADIR)

b.p KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA

12 OGOS 2020

22 ZULHIJJAH 1441H




**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA PERBADANAN**

Kami, **TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG** dan **DATO' MOHAMAD BIN S AHMAD** yang merupakan Pengurus dan Ahli Anggota Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpandukan Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 (Akta 733) dan Piawaian Pelaporan Bagi Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), iaitu Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan Oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut.


Bagi pihak Perbadanan,

Bagi pihak Perbadanan,



**TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG**  
**PENGERUSI**  
Tarikh: 18/02/2020

Kuala Lumpur



**DATO' MOHAMAD BIN S AHMAD**  
**TIMBALAN PENGERUSI**  
Tarikh: 18/02/2020

Kuala Lumpur

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, **Datuk Zulkurnain Bin Hassan**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas ) di  
KUALA LUMPUR )  
pada ..... haribulan ..... 2020)

**18 FEB 2020**



**DATUK ZULKURNAIN BIN HASSAN**

Di hadapan saya,



**PESURUHJAYA SUMPAH**  
No. 30, Tingkat Bawah, Blok B,  
Flat PKNS, Jalan Raja Muda Musa,  
50300 Kg. Baru, Kuala Lumpur.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019**

	<b>Nota</b>	<b>2019 RM</b>	<b>2018 RM</b>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	27,502,531	27,699,347
Pembinaan Dalam Kemajuan	5	25,221,268	3,121,316
Aset Tidak Ketara	6	138,720	118,939
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>52,862,519</b>	<b>30,939,602</b>
<b>ASET SEMASA</b>			
Pelbagai Penghutang	7	-	-
Deposit dan Prabayar		67,650	7,108,139
Keuntungan Simpanan Tetap Terakru	8	50,597	53,099
Tunai dan Kesetaraan Tunai	9	33,600,120	25,740,335
Inventori	10	140,000	140,000
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>33,858,367</b>	<b>33,041,573</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>86,720,886</b>	<b>63,981,175</b>
<b>EKUITI</b>			
Kumpulan Wang Pengurusan		35,858,817	13,230,443
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Pendapatan Tertunda	11	27,374,191	27,665,410
Kumpulan Wang Khas	12	5,126,253	5,715,472
Geran Pembangunan	13	18,110,289	17,083,094
Manfaat Pekerja	14	-	17,490
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b>50,610,733</b>	<b>50,481,466</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai Pemiutang		60,022	21,725
Perbelanjaan Terakru	15	149,166	212,574
Wang Jaminan Pelaksanaan		-	4,763
Manfaat Pekerja	14	42,148	30,204
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>251,336</b>	<b>269,266</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>50,862,069</b>	<b>50,750,732</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>86,720,886</b>	<b>63,981,175</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM	2018 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Geran Mengurus	16	4,773,600	4,238,000
Geran Dilunaskan	17	22,709,453	4,437,848
Pelbagai Pendapatan	18	338,209	7,311,970
		<b>27,821,262</b>	<b>15,987,818</b>
<b>TOLAK: PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	19	1,940,533	1,724,458
Pelbagai Perbelanjaan	20	2,216,933	4,600,488
Perbelanjaan Kumpulan Wang Khas		699,998	995,949
Susut Nilai	4 & 6	335,424	387,065
		<b>5,192,888</b>	<b>7,707,960</b>
<b>LEBIHAN PENDAPATAN</b>		<b>22,628,374</b>	<b>8,279,858</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Kumpulan  
Wang  
Pengurusan  
RM**

Baki Pada 1 Januari 2018	4,950,585
Lebihan Pendapatan bagi tahun	8,279,858
<b>Baki pada 31 Disember 2018</b>	<b><u>13,230,443</u></b>
Baki Pada 1 Januari 2019	13,230,443
Lebihan Pendapatan bagi tahun	22,628,374
<b>Baki pada 31 Disember 2019</b>	<b><u>35,858,817</u></b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	2019 RM	2018 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebihan Pendapatan	22,628,374	8,279,858
<b>Pelarasan Untuk:</b>		
Pelunasan Pendapatan Tertunda	(291,219)	(291,472)
Susut Nilai	335,424	387,065
Pelunasan Pendapatan Kumpulan Wang Khas dan Susut Nilai	(22,418,234)	(4,146,376)
Perbelanjaan Kumpulan Wang Khas	699,998	995,949
Pendapatan dari Aktiviti Operasi sebelum Perubahan Modal Kerja	954,343	5,225,024
<b>Perubahan Modal Kerja:</b>		
(Pertambahan) / Pengurangan Pelbagai Penghutang	-	24,292
Pertambahan Peruntukan Manfaat Pekerja	(5,546)	-
Pengurangan / (Pertambahan) Deposit dan Prabayar	7,040,489	(7,069,742)
Pengurangan / (Pertambahan) Keuntungan Simpanan Terakru	2,502	(1,781)
Pertambahan Inventori	-	(140,000)
Pertambahan Pelbagai Pembiutang	38,297	16,625
Pengurangan Perbelanjaan Terakru	(63,408)	147,186
Pertambahan Wang Jaminan Pelaksanaan	(4,762)	(16,626)
<b>TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI</b>	<b>7,961,915</b>	<b>(1,815,022)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(117,248)	(19,950)
Pembelian Aset Tidak Ketara	(41,141)	(6,980)
Bayaran Bagi Pembinaan dalam Kemajuan	(22,099,953)	(3,121,316)
<b>TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>(22,258,342)</b>	<b>(3,148,246)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Kumpulan Wang Khas:		
Terimaan	118,500	135,000
Perbelanjaan	(699,998)	(995,949)
Geran Pembangunan:		
Terimaan	22,737,710	15,000,000
Perbelanjaan	-	-
<b>TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>	<b>22,156,212</b>	<b>14,139,051</b>
<b>PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	<b>7,859,785</b>	<b>9,175,783</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	<b>25,740,335</b>	<b>16,564,552</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>33,600,120</b>	<b>25,740,335</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****1. MAKLUMAT PERBADANAN**

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) telah ditubuhkan sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 (Akta 733) pada 1 April 2012. Aktiviti utamanya ialah melaksanakan dasar, arahan dan strategi berhubung dengan pembangunan di dalam kawasan Pembangunan Kampong Bharu mengikut pelan struktur dan pelan tempatan yang disediakan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). PKB telah diberi tanggungjawab sepenuhnya sebagai agensi penyelaras, pemudah cara dan penggerak utama dalam memperkasakan semula pembangunan Kampong Bharu. PKB beroperasi di alamat berikut:

Aras Bawah,1 dan 2, Lot 61 Rumah ROHAS  
Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu  
50300 Kuala Lumpur

**2. PENYATA KEWANGAN**

Penyata Kewangan PKB (Belum Audit) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 telah diluluskan dalam Mesyuarat Anggota Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu pada 13 Februari 2020.

**3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING****3.1 Penyediaan Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan PKB telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Penyata Kewangan PKB telah disediakan mengikut asas kos sejarah.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

**3.2 Pengiktirafan Pendapatan Dan Perbelanjaan**

Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan diambil kira berdasarkan asas akruan manakala hibah diambil kira berdasarkan asas tunai.

**3.3 Pemberian Kerajaan**

Pemberian Kerajaan dalam bentuk Geran Mengurus diakaunkan dalam Penyata Pendapatan apabila diterima.

**3.4 Hartanah, Loji Dan Peralatan**

**3.4.1 Pengiktirafan Dan Nilaian**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai aset terkumpul, sekiranya ada. Pembelian harta tanah, loji dan peralatan bernilai RM1,000 dan ke atas seunit akan dipermodalkan di Penyata Kedudukan Kewangan.

Kos termasuk perbelanjaan secara langsung dalam pembelian aset tersebut dan kos-kos lain yang terlibat secara langsung dalam membawa aset kepada keadaan sedia guna bagi tujuan kegunaan aset tersebut dan kos-kos meroboh, memindah dan mengembalikan keadaan asal tempat di mana aset itu berada.

Pada 9 Februari 2015, PKB telah diberi milikan tanah Kerajaan seluas 2,307 meter persegi secara pajakan selama 99 tahun iaitu Plot A (1,053 meter persegi) dan Plot B (1,254 meter persegi) yang terletak di Seksyen 41 Bandar Kuala Lumpur bagi tujuan tapak pembangunan bercampur. Tanah milik pajak telah dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 22 Mac 2016 dengan nilai

## **PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

#### **3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

pasaran sejumlah RM28.84 juta. Pada 31 Disember 2016, amaun bawaan tanah milik pajak adalah RM28.25 juta. Pengukuran nilai saksama bagi tanah milik pajak tidak boleh dibuat secara berterusan kerana melibatkan kos dan usaha yang tidak wajar. Oleh itu, tanah milik pajak diambil kira sebagai harta tanah, loji dan peralatan mengikut seksyen 17 MPERS. Amaun bawaan pada tarikh penilaian semula dibuat menjadi kosnya.

##### **3.4.2 Kos Selepasnya**

Kos untuk menggantikan sebahagian daripada item harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf di dalam amaun bawaan item tersebut jika penggantian berkemungkinan besar membawa faedah ekonomi masa hadapan kepada PKB dan kosnya boleh dinilai dengan objektif. Amaun bawaan bahagian yang diganti tersebut akan dikeluarkan. Kos penyenggaraan bulanan harta tanah dan peralatan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan sebaik ianya tergantung.

##### **3.4.3 Susut nilai**

Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam tahun pembelian pada kadar sepenuhnya bagi tahun tersebut dan tiada susut nilai dalam tahun pelupusan.

Susut nilai diiktiraf menggunakan kaedah garis lurus pada kadar seperti berikut:

Tanah Milik Pajak	Separang usia pajakan
Kenderaan	20.00% setahun
Perabot, Peralatan Pejabat/Kelengkapan	20.00% setahun
Komputer dan Perkakasan ICT	33.33% setahun

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

Nilai sisa bersih, jangka hayat dan kaedah susut nilai aset disemak semula dan diselaraskan pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk memastikan keseragaman amaun, kaedah dan tempoh susut nilai dengan anggaran sebelumnya. Nilai sisa bersih setiap hartanah dan peralatan hendaklah tidak kurang daripada RM1.00.

**3.4.4 Pelupusan**

Aset dihapus kira apabila dijual atau apabila tiada faedah ekonomi yang dijangka pada masa hadapan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara perolehan bersih atau pelupusan, jika ada, dengan nilai dibawa aset berkenaan adalah diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan.

**3.5 Penjejasan Aset**

Aset yang tidak mempunyai jangka hayat adalah tidak tertakluk kepada pelunasan tetapi disemak untuk menentukan keperluan penjejasan setiap akhir tahun. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai bawaan berkemungkinan tidak akan diperoleh. Jika jelas terdapat tanda-tanda penjejasan aset, nilai aset boleh direalisasi dianggarkan untuk menentukan amaun kerugian terjejas.

Kerugian terjejas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan apabila nilai bawaan aset melebihi nilai diperoleh. Nilai diperoleh adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai diguna. Jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperoleh, ianya diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan kerugian terjejas atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambil kira ke akaun Lebihan Penilaian Semula di Penyata Kedudukan Kewangan.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)****3.6 Tunai Dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank sama ada akaun semasa atau simpanan tetap. Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

**3.7 Kumpulan Wang Khas**

Kumpulan Wang Khas (KWK) merupakan peruntukan khas yang diterima daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi Kerajaan bagi tujuan khusus. Perbadanan melunaskan KWK mengikut amaun sebenar yang dibelanjakan (tidak termasuk belanja harta modal) dan belanja susut nilai yang berkaitan dengan KWK. Pelarasan dibuat secara prospektif mulai tahun 2016 mengikut MPERS 35.

**3.8 Pendapatan Tertunda**

Geran Kerajaan yang berkaitan dengan aset termasuk aset pemberian kerajaan pada nilai saksama telah diperakaunkan mengikut kaedah pendapatan dan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda. Pendapatan tertunda terdiri daripada Geran Pelancaran yang telah dibelanjakan untuk perolehan aset tetap, pemberian aset daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan pemberimilikan hartanah.

**3.9 Manfaat Pekerja**

Upah, gaji, elauan, imbuhan tahunan dan sumbangan berkanun serta manfaat lain seperti faedah perubatan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberi oleh pekerja Perbadanan. Manfaat pekerja bagi kakitangan kontrak diiktiraf sebagai liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang mengikut MPERS 28.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

**3.10 Percukaian**

Mengikut kuasa di bawah seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 Menteri Kewangan telah bersetuju meluluskan pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan Perbadanan di peringkat statutori bagi tempoh 5 tahun mulai tahun taksiran 2014 sehingga tahun taksiran 2018.

**3.11 Pajakan Operasi**

**Pajakan Operasi**

Pajakan operasi tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat milikan aset kepada penyewa.

**3.12 Aset Tidak Ketara**

Aset Tidak Ketara selain Muhibah diukur pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul sekiranya ada. Pelunasan adalah berdasarkan kos ditolak nilai sisa bagi Aset Tidak Ketara berkenaan. Anggaran jangka hayat berguna adalah 10 tahun.

**3.13 Inventori**

Inventori dinyatakan pada kos pada tarikh perolehan. Kos termasuk kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang ditanggung secara langsung untuk mendapatkan perolehan barang siap, bahan dan bekalan.

## PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPOONG BHARU

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

<b>Kos</b>	<b>TANAH MILIK PAJAK</b>	<b>KENDERAAN</b>	<b>PERABOT, PERALATAN PEJABAT/ KELENGKAPAN</b>	<b>KOMPUTER DAN PERKAKASAN ICT</b>	<b>JUMLAH</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pada 1 Januari 2019	28,837,500		529,421 102,097	839,960 1,150	253,953 14,000
Penambahan	-				
Pelarasan/Pelupusan					
Pada 31 Disember 2019	<b>28,837,500</b>	<b>631,519</b>	<b>841,110</b>	<b>267,953</b>	<b>30,578,082</b>
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>					
Pada 1 Januari 2019	1,165,152		529,416	816,342	250,577
Caj Bagi Tahun Semasa	291,288		8,508	7,837	6,431
Pelarasan/Pelupusan					
Pada 31 Disember 2019	<b>1,456,440</b>	<b>537,924</b>	<b>824,179</b>	<b>257,008</b>	<b>3,075,551</b>
<b>Amaun Bawaan</b>					
Pada 31 Disember 2019	<b>27,381,060</b>	<b>93,595</b>	<b>16,931</b>	<b>10,945</b>	<b>27,502,531</b>

## PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)**

<b>Kos</b>	<b>PKB 2018</b>	<b>TANAH MILIK PAJAK</b>	<b>KENDERaan</b>	<b>PERABOT, PERALATAN PEJABAT/ KELENGKAPAN</b>	<b>KOMPUTER DAN PERKAKASAN ICT</b>	<b>JUMLAH</b>
			<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pada 1 Januari 2018	28,837,500		529,421	820,010 19,950	253,953	30,440,884 19,950
Penambahan	-		-	-	-	-
Pelarasan/Pelupusan	-		-	-	-	-
Pada 31 Disember 2018	<b>28,837,500</b>	<b>529,421</b>	<b>839,960</b>	<b>253,953</b>	<b>30,460,834</b>	
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>						
Pada 1 Januari 2018	873,864	498,548	775,312	247,256	2,394,980	
Caj Bagi Tahun Semasa	291,288	30,868	41,030	3,321	366,507	
Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2018	<b>1,165,152</b>	<b>529,416</b>	<b>816,342</b>	<b>250,577</b>	<b>2,761,487</b>	
<b>Amaun Bawaan</b>						
Pada 31 Disember 2018	<b>27,672,348</b>	<b>5</b>	<b>23,618</b>	<b>3,376</b>	<b>27,699,347</b>	

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****5. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN**

	2019 RM	2018 RM
Saloma Link	24,831,830	3,121,316
Account Management System (AMS) - SAGA	389,438	-
	<b><u>25,221,268</u></b>	<b><u>3,121,316</u></b>

**6. ASET TIDAK KETARA**

<i>Perisian Komputer</i>	2019 RM	2018 RM
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	212,565	205,585
Tambahan	41,141	6,980
Pada 31 Disember	<b><u>253,706</u></b>	<b><u>212,565</u></b>
<b>Pelunasan Terkumpul</b>		
Pada 1 Januari	93,626	73,068
Tambahan	21,360	20,558
Pada 31 Disember	<b><u>114,986</u></b>	<b><u>93,626</u></b>
<b>Amaun Bawaan</b>	<b><u>138,720</u></b>	<b><u>118,939</u></b>

**7. PELBAGAI PENGHUTANG**

	2019 RM	2018 RM
Tunggakan Terimaan Bukan Hasil	-	-
	<b><u>-</u></b>	<b><u>-</u></b>

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****8. KEUNTUNGAN SIMPANAN TETAP TERAKRU**

	2019 RM	2018 RM
Keuntungan Simpanan Tetap Terakru	50,597	53,099
	<b>50,597</b>	<b>53,099</b>

Keuntungan simpanan tetap (syariah) adalah hasil daripada peletakan simpanan tetap bagi tempoh 3 bulan bermula 17 Oktober 2019.

**9. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

	2019 RM	2018 RM
Tunai dan Baki Bank	26,850,211	19,247,493
Simpanan Tetap	6,749,909	6,492,842
	<b>33,600,120</b>	<b>25,740,335</b>

**Pecahan Simpanan Tetap:**

Kumpulan Wang Pengurusan	1,900,000	1,900,000
Kumpulan Wang Khas	4,100,000	4,100,000
Keuntungan yang dilaburkan semula	749,909	492,842
	<b>6,749,909</b>	<b>6,492,842</b>

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****10. INVENTORI**

	2019 RM	2018 RM
Push Cart	140,000	140,000
	<b>140,000</b>	<b>140,000</b>

**11. PENDAPATAN TERTUNDA**

	2019 RM	2018 RM
Baki Pada Awal Tahun	27,665,410	27,956,882
Tolak: Pelunasan Pendapatan Tertunda	(291,219)	(291,472)
<b>Pendapatan Tertunda Selepas Pelunasan</b>	<b>27,374,191</b>	<b>27,665,410</b>

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****12. KUMPULAN WANG KHAS**

	<b>Program Pengurusan Komuniti Wilayah</b>	<b>Program Pengurusan Perbandaran</b>	<b>Sambutan Hari Wilayah 2019</b>	<b>Program Pembangunan Semula Kg Bharu</b>
Baki Pada 1 Januari 2018	1,220,247	653,001	153	3,986,205
Terimaan	-	-	135,000	-
Pelunasan (Nota 17): Perbelanjaan / Pelunasan Susut Nilai	(436,297) -	(271,514) (7,721)	-	(127,000) -
<b>Baki pada 31 Disember 2018</b>	<b>783,950</b>	<b>373,766</b>	<b>135,153</b>	<b>3,859,205</b>
Terimaan	-	-	1,000	-
Pelunasan (Nota 17): Perbelanjaan / Pelunasan Susut Nilai	(273,988) -	(96,774) (7,721)	(118,510) -	(29,850) -
<b>Baki pada 31 Disember 2019</b>	<b>509,962</b>	<b>269,271</b>	<b>17,643</b>	<b>3,829,355</b>

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPOONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****12. KUMPULAN WANG KHAS (SAMB.)**

	<b>Program Pemerksaan Melayu Dalam Perniagaan</b>	<b>Program Kawalan Keselamatan</b>	<b>Lain-Lain Program Khas</b>	<b>Jumlah</b>
Baki Pada 1 Januari 2018	314,652	52,000	379,274	<b>6,605,532</b>
Terimaan	-	-	-	<b>135,000</b>
Pelunasan Kumpulan Wang Khas (Nota 17):				
Perbelanjaan / Pelunasan	(7,446)	(52,000)	(123,082)	<b>(1,017,339)</b>
Susut Nilai	-	-	-	<b>(7,721)</b>
<b>Baki Pada 31 Disember 2018</b>	<b>307,206</b>	<b>-</b>	<b>256,192</b>	<b>5,715,472</b>
<hr/>				
Terimaan	-	-	117,500	<b>118,500</b>
Pelunasan Kumpulan Wang Khas (Nota 17):				
Perbelanjaan / Pelunasan	(2,300)	-	(178,576)	<b>(699,998)</b>
Susut Nilai	-	-	-	<b>(7,721)</b>
<b>Baki Pada 31 Disember 2019</b>	<b>304,906</b>	<b>-</b>	<b>195,116</b>	<b>5,126,253</b>

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****13. GERAN PEMBANGUNAN**

	<b>Saloma Link</b>	<b>Kampong Pindah</b>	<b>3 Kajian Terperinci</b>	<b>Jumlah</b>
Baki Pada 1 Januari 2018	5,000,000	-	204,410	<b>5,204,410</b>
Terimaan	10,000,000	5,000,000	-	<b>15,000,000</b>
Pelunasan Kumpulan Wang Khas (Nota 17):				
Perbelanjaan / Pelunasan	(3,121,316)	-	-	<b>(3,121,316)</b>
Susut Nilai	-	-	-	-
<b>Baki Pada 31 Disember 2018</b>	<b>11,878,684</b>	<b>5,000,000</b>	<b>204,410</b>	<b>17,083,094</b>
Terimaan	15,237,710	7,500,000	-	<b>22,737,710</b>
Pelunasan Kumpulan Wang Khas (Nota 17):				
Perbelanjaan / Pelunasan	(21,710,515)	-	-	<b>(21,710,515)</b>
Susut Nilai	-	-	-	-
<b>Baki Pada 31 Disember 2019</b>	<b>5,405,879</b>	<b>12,500,000</b>	<b>204,410</b>	<b>18,110,289</b>

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****14. MANFAAT PEKERJA**

	2019 RM	2018 RM
<u>Jangka Pendek</u>		
Ganjaran	25,449	17,940
Ganjaran Cuti Rehat	16,699	12,264
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	<b>42,148</b>	<b>30,204</b>
Dianggarkan pembayaran pada tahun 2020 bagi 8 pegawai		
<u>Jangka Panjang</u>		
Ganjaran	-	11,085
Ganjaran Cuti Rehat	-	6,405
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	<b>-</b>	<b>17,490</b>

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****15. PERBELANJAAN TERAKRU**

	2019 RM	2018 RM
Elaun Tetap Kakitangan	7,250	7,250
Elaun Pekerja Sambilan Harian dan Contract for Services (CFS)	-	-
Imbuhan Tahunan Kakitangan	-	500
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	40,238	40,238
Tenaga Nasional Berhad	6,000	-
Elaun Anggota dan Penasihat	32,148	141,990
Pemberian Khas Kewangan Contract of Services (COS)	-	-
Jabatan Audit Negara	47,597	22,596
Telekom	1,088	-
Sewaan Komputer	4,845	-
Bayaran Lain-lain	10,000	-
	<b>149,166</b>	<b>212,574</b>

**16. GERAN MENGURUS**

	2019 RM	2018 RM
Pemberian Kerajaan	4,773,600	4,238,000
	<b>4,773,600</b>	<b>4,238,000</b>

**17. GERAN DILUNASKAN**

	2019 RM	2018 RM
Pelunasan Pendapatan Tertunda (Nota 11)	291,219	291,472
Pelunasan dan Susut Nilai Kumpulan Wang Khas (Nota 12 & Nota 13)	22,418,234	4,146,376
	<b>22,709,453</b>	<b>4,437,848</b>

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****18. PELBAGAI PENDAPATAN**

	2019 RM	2018 RM
Hibah Bank	79,304	53,896
Jualan Dokumen Sebut Harga/ Barang Cetak	4,340	2,820
Keuntungan Simpanan Tetap (Syariah)	254,565	250,999
Terimaan Bukan Hasil	-	3,694
Pendapatan Lain	-	561
Sumbangan dan Terimaan Lain	-	7,000,000
	<b>338,209</b>	<b>7,311,970</b>

**19. EMOLUMEN**

	2019 RM	2018 RM
Gaji Kakitangan	1,315,782	1,134,888
Elaun Tetap	353,242	344,421
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	202,738	190,922
Elaun Lebih Masa	10,002	6,672
Pelbagai Faedah Kewangan	39,319	32,755
Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Khas Kewangan	19,450	14,800
Peruntukan Manfaat pekerja (Nota 14)	-	-
	<b>1,940,533</b>	<b>1,724,458</b>

Bilangan pekerja pada 31 Disember 2019 adalah seramai 22 orang  
(2018: 22 orang)

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****20. PELBAGAI PERBELANJAAN**

	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2018</b> <b>RM</b>
Perjalanan dan Penginapan	27,136	18,665
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	55,638	47,804
Kos Pengangkutan	671	826
Utiliti	81,909	75,355
Sewaan	575,601	509,870
Makanan, Minuman dan Penginapan	66,038	32,790
Pembaikan dan Penyelenggaraan	93,734	61,914
Yuran Audit	25,000	22,596
Elaun Anggota Perbadanan	326,200	320,190
Sumbangan / Hadiah / Derma	4,100	18,200
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	12,145	23,005
Perkhidmatan Iktisas	356,291	194,660
Bayaran kepada Kakitangan Tidak Tetap	532,649	460,985
Bayaran Lain-lain	29,712	32,990
Peningkatan Taraf Hidup dan Kesejahteraan Masyarakat	12,589	2,780,638
Inventori (Aset Tidak Dipermudahkan)	17,520	-
	<b>2,216,933</b>	<b>4,600,488</b>

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****21. KOMITMEN MODAL**

	2019 RM	2018 RM
Diluluskan dan dikontrakkan	17,600	-
Diluluskan dan belum dikontrakkan	-	-
	<b>17,600</b>	-

Jumlah yang dilaporkan pada 31 Disember 2019 merupakan komitmen modal kepada kontrak bernilai RM473,838 di mana bayaran sebanyak RM389,438 telah dibuat.

Wang Jaminan Pelaksanaan sebanyak RM8,019 yang masih dipegang oleh PKB yang belum dituntut oleh kontraktor.

**22. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN**

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti, samaada secara langsung atau tidak langsung, termasuklah mana-mana anggota entiti berkenaan. Ganjaran untuk Pengurus dan lain-lain ahli penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Jumlah Ganjaran	413,777	388,682
Jumlah Kakitangan	13	12

**23. ANGKA PERBANDINGAN**

Sebahagian daripada maklumat perbandingan tahun lalu telah diklasifikasikan dan dipinda untuk disesuaikan dengan persembahan tahun semasa.





PERBADANAN PEMBANGUNAN  
KAMPONG BHARU

# LAPORAN TAHUNAN 2019

## PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

Aras Bawah, 1 & 2, Lot 61, Rumah Rohas,  
Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur  
Tel : +603-2692 6733 / 2693 5733 Faks: +603-2693 4733

